

Jilid I  
Bil. 81



Hari Jumaat  
8hb November, 1991

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 13293]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 13338]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1992 [Ruangan 13338]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK. P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAL DAUD,  
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAL OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAL MOHD. NAJIB BIN TUN HAL ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Benteng).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HENG DUNG, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

„ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG THE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOH, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakah).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHIE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Ulama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

„ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTIMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Perikanan, TUAN MOHD. SHARIF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOO SENG (Padawan).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.L.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- .. TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- .. DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN OTIMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- .. DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- .. DATO' PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pangoh).
- .. TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- .. DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

'ang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- .. TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- .. TUAN HAJI BUNTYANUN BIN YAAKOB (Bachok).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- .. TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.S.S., S.S.A.P. (Merbok).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- .. TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- .. TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- .. TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasar Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOI, P.J.K. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- .. CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- .. LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SARUH (Jelebu).
- .. PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- .. TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- .. DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TEJAK JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- .. TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelulong).
- .. TUAN KERK KIM HOCK (Pasar Pinji).
- .. DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

- ang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAI DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOO SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUB BIN HAJI HASIIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAJITIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GAFFAR (Batu Belandam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.I.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SATDIN, A.M.P. (Purit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAI RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Setiausaha Dewan Rakyat:** Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

**Ketua Penolong Setiausaha:** Haji Taijadin bin Saberan.

**Penolong Setiausaha:** Abdullah bin Abdul Wahab.

**Penolong Setiausaha:** Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

**Ketua Penyunting:** Hj. Yahya bin Manap.

**Penyunting:** Ramaswamy.

**Penolong Penyunting:** Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Kozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 8hb November, 1991

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PETRONAS—SYARIKAT  
BUMIPUTERA DI SEKTOR  
HULUAN

1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan berapa buakkah syarikat-syarikat bumiputera yang membekal perkhidmatan teknikal kepada pelantar-pelantar minyak yang didaftarkan oleh PETRONAS, selain daripada syarikat-syarikat besar Kerajaan seperti MSE. Adakah Kerajaan akan memberi galakan kepada golongan bumiputera, memandangkan sudah banyak anak-anak bumiputera yang terlatih di dalam bidang ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15 Ogos, 1991, PETRONAS telah mengeluarkan lesen di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 kepada 270 buah syarikat bumiputera. Daripada jumlah tersebut, 49 buah syarikat terlibat sepenuhnya membekalkan perkhidmatan teknikal di sektor huluan yang melibatkan pembinaan pelbagai kemudahan dan kelengkapan penggerudian serta pengeluaran minyak dan gas.

Dalam bidang pembinaan pelantar-pelantar minyak, pada masa ini terdapat 4 buah syarikat minyak milik bumiputera termasuk MSE yang menjalankan kerja-kerja tersebut.

Jawapan bagi soalan (b), pihak Kerajaan melalui PETRONAS sentiasa memberi galakan untuk mempertingkatkan penyertaan syarikat-syarikat bumiputera di dalam projek-projek di sektor huluan. Di antara lain-lain langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan penyertaan mereka ialah:

- (i) mensyaratkan penyertaan tender hanya kepada syarikat-syarikat berlesen yang mempunyai sekurang-kurangnya 30% ekuiti bumiputera;
- (ii) mensyaratkan penyertaan secara usahasama di antara syarikat-syarikat asing dengan syarikat-syarikat tempatan;
- (iii) memecahkan tender kepada beberapa kategori dan pakej supaya lebih banyak lagi syarikat-syarikat bumiputera dapat turut mengambil bahagian; dan
- (iv) mengenalpasti di dalam dokumen tender kerja-kerja sub-kontrak yang boleh dilaksanakan oleh syarikat-syarikat bumiputera.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa industri minyak khususnya

peranan yang dimainkan oleh PETRONAS ini amat besar dalam menyumbangkan kepada ekonomi negara khususnya bantuan kepada bumiputera, selain daripada langkah-langkah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, adakah pihak PETRONAS bercadang atau bercita-cita untuk menubuhkan satu unit khas Galakan Bumiputera di PETRONAS bagi memastikan penyertaan Bumiputera yang lebih berkesan di dalam industri minyak di negara kita?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang dijalankan oleh PETRONAS cukup memuaskan selakat ini dan Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu unit lagi untuk membantu PETRONAS. Ia cukup berkesan dan telah menjadi satu syarikat yang No. 2 dalam dunia.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan di perairan Pantai Timur iaitu Kelantan telah ada usaha carigali oleh beberapa syarikat. Apakah hasil-hasil positif yang didapati sehingga hari ini?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini telah terkeluar dari soalan asal. (Ketawa)

## BAJA SUBSIDI KEPADA PETANI KELANTAN

2. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan kenapakah masih ada diskriminasi di dalam pembahagian baja subsidi ke atas para petani di negeri Kelantan dan apakah baja subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Pusat melalui pihak KADA itu hanya untuk penyokong UMNO sahaja.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, soal diskriminasi di dalam pembahagian baja subsidi kepada petani di negeri Kelantan adalah tidak timbul. Apa yang berlaku sekarang ialah subsidi baja diberhentikan sementara waktu bagi membolehkan Jawatankuasa Penyelaras di peringkat Negeri berkenaan mengambil tindakan menyusun semula saluran pembahagian baja disebabkan saluran pembahagian baja yang asal telah terjejas akibat pemberhentian perkhidmatan penghulu oleh Kerajaan Negeri. Baja subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Pusat adalah untuk semua pesawah yang layak menerimanya mengikut syarat-syarat yang ditentukan.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menyatakan bahawa subsidi baja dibekukan untuk sementara kerana tidak adanya saluran untuk pembahagian ini tetapi mengapa dalam pilihanraya kecil di Kelantan baru-baru ini baja ini terus dibahagikan juga. Jadi, yang mana satu? Siapakah yang memberi baja itu? Adakah tidak berkaitan dengan Kementerian Pertanian atau pihak lain?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya beri subsidi pun salah, tidak beri pun salah. (Ketawa) Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan satu peruntukan untuk memberi baja. Saluran yang sedia ada pada masa itu telah terjejas seperti saya katakan tadi oleh pemberhentian perkhidmatan penghulu dan sekarang pihak Jawatankuasa Penyelaras yang dilantik oleh Kerajaan Pusat sedang mengaturkan saluran itu.

Maka kalau ada keperluan yang segera yang dimohon oleh pesawah, pihak Penyelaras akan mempertimbangkan dan mengesyorkan dan baja mungkin dapat diberi pada masa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Songkok tinggi, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Sudah naik pangkat.

Soalan tambahan, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, adakah beliau sedar di musim pilihanraya kecil di Kelantan baru-baru ini, bahawa Kerajaan Kelantan ada juga memberi subsidi baja. Subsidi baja itu diberi kepada penyokong-penyokong PAS dan Semangat 46, sebelum itu mereka mengenakan bayaran \$3 hingga \$4 satu beg. Jadi, memandangkan bahawasanya Kerajaan Kelantan sekarang ini nampaknya berupaya dan bagi meringankan Kerajaan Pusat, apakah Kerajaan bercadang supaya baja ini ditanggung bersama. Jadi, Kerajaan Pusat pastikan dahulu beri baja kepada penyokong-penyokong Kerajaan Pusat. Kemudian yang bakinya, kita tengoklah macam mana hendak dibuat. (*Ketawa*)

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, dan dari segi Kerajaan Pusat, kita akan memberi bantuan kepada pesawah-pesawah yang memerlukan. Kalau ada pesawah-pesawah yang menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri Kelantan, mereka tidak akan diberikan subsidi kali yang kedua.

#### PENGGALAN TENTERA LAUT DI SEJINGKAT KUCHING

3. **Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Pertahanan Malaysia menjelaskan kedudukan serta perancangan Pengkalan Tentera Laut di Sejingkat yang telah lama terbiar begitu saja tanpa dibuat apa-apa setelah tapaknya siap ditembok.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua,

tapak tanah kepunyaan TLDM di Kawasan Sejingkat memang telah ditambak dan kerja-kerja awal telahpun dilaksanakan untuk membangunkan sebagai Pengkalan Hadapan TLDM Kuching di bawah Rancangan Perkembangan Istimewa Angkatan Tentera.

Kemerosotan ekonomi negara pada tahun 1982 dan peruntukan seterusnya yang tidak mencukupi menyebabkan projek ini terpaksa ditangguhkan.

TLDM masih terus berusaha untuk membangunkan tapak tanah Sejingkat sebagai Pengkalan Hadapan TLDM Kuching dalam Rancangan Malaysia yang akan datang.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Soalan tambahan, memandangkan perancangan Pengkalan Tentera Laut di Sejingkat adalah perancangan buat masa hadapan, kenapakah Pengkalan Tentera Laut di Sibu telah di-bertentikan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu soalan lain, di Sibu pula.

#### DARUL ARQAM— MENGHARAMKAN KEGIATAN

4. **Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Darul Arqam berdaftar atau tidak. Jika ya, sejak bila. Jika tidak, mengapakah Kerajaan baru-baru ini sahaja mengambil tindakan mengharamkan kegiatannya;
- (b) berapa ramaikah pengikut Darul Arqam di seluruh negara sehingga sekarang; dan
- (c) berapakah jumlah sekolah Darul Arqam, bilangan murid dan gurunya di seluruh negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Darul Arqam tidak didaftarkan sama ada di bawah Akta Perubahan 1966 sebagai sebuah pertubuhan atau dengan mana-mana Jabatan Agama Islam Negeri sebagai satu badan dakwah di negara ini. Kegiatan Darul Arqam diharamkan kerana pergerakan ini yang pada awalnya nampak seolah-olah merupakan satu badan dakwah di akhir-akhir ini terbukti menyelweg dari aqidah Islam di mana ajarannya yang berpegang kepada kitab Aurad Muhammadiyah telah banyak menimbulkan kekeliruan di kalangan orang-orang Islam di negara ini. Oleh itu, adalah wajar kegiatan itu diharamkan.
- (b) Mengenai soalan (b) dan (c) pula, oleh kerana pertubuhan ini tidak didaftarkan, maka jumlah pengikut, jumlah sekolah dan jumlah murid-murid yang sebenarnya tidaklah dapat dipastikan. Walau bagaimanapun, mengikut maklumat-maklumat yang diperolehi dari buku-buku yang berkaitan dan dari dakwaan pemimpin-pemimpin Darul Arqam adalah dianggarkan terdapat tidak kurang dari 5,000 orang pengikut, 30 buah sekolah dan 4,000 orang murid-murid.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekejap tadi, punca pengharaman Arqam ini ialah dari buku Aurad, dan buku ini sudah lama diharamkan beberapa tahun sudah tetapi tindakannya hanya setakat ini baru diambil tindakan. Adakah benar

bahawa pihak Kerajaan tidak bertindak di peringkat awal kerana Arqam ini ataupun Jemaah Arqam ini digunakan oleh tiga orang Menteri dari Kerajaan, terutamanya untuk membasmi orang-orang yang terlibat dengan dadah. Sebagai tenaga untuk memulihkan orang yang terlibat dalam dadah maka satu Kementerian menggunakan Arqam ini.

Yang keduanya, untuk menghalang ataupun menentang pergerakan PAS ini maka seorang Menteri pula menggunakan Arqam ini.

Yang ketiganya, ada juga satu Kementerian lain pula menggunakan Arqam ini untuk menjatuhkan Menteri sendiri. Adakah perkara ini benar dan akhir-akhir ini diambil tindakan ialah kerana nampaknya pihak Arqam ini gambarannya akan menjadi bencana kepada Kerajaan, akan menjadi musuh Kerajaan, tidak seperti dahulu nampaknya pergerakan Arqam ini membantu Kerajaan, sampai pilihanraya kecil di Sabah pun ada bantuan daripada pihak Arqam. Tetapi oleh kerana akhir ini nampaknya gambaran yang membawa bencana kepada Kerajaan, maka itulah sebab diambil tindakan. Yang keduanya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak sangat itu, Yang Berhormat. (Ketawa)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Baru satu sahaja, banyak apa? (Ketawa)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah empat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yang Berhormat beri dua. Saya baru satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukuplah itu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Maaf, satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Pengharaman ini kalau didasarkan kepada buku ertinya buku itu berdasarkan buku ilmu. Jadi, oleh kerana buku itu adalah buku ilmu dan dengan ilmu itu dikenali ianya bercanggah dengan aqidah Islamiah. Saya ingin tahu adakah pihak Kerajaan akan mengkaji ataupun pihak Kerajaan boleh menyenaraikan ideologi-ideologi ataupun dasar-dasar politik ataupun dasar perjuangan politik itu merupakan ilmu? Kalau skiranya ia merupakan ilmu, adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji manakah satu dasar perjuangan politik yang bercanggah dengan aqidah Islam?

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua itu tidak ada kena-mengena dengan soalan awal. Bagi soalan yang pertama, pengharaman itu dibuat berdasarkan kepada kajian ilmiah yang dibuat ke atas buku kerana pada mulanya pihak Kerajaan tidak dapat menentukan kerana apabila kita bertemu, mereka menyorok-nyorokan aqidah ataupun pegangan mereka yang sebenar. Tetapi, apabila mereka mengeluarkan buku Aurad Muhammadiyah, Pegangan Arqam—itu nama tajuk buku maka banyak terdapat kesalahan dari segi aqidah dalam buku itu. Maka Majlis Fatwa mengeluarkan bahawa fahaman yang dipegang oleh kumpulan itu bercanggah dengan aqidah Islam. Banyak butiran-butiran atau perkara-perkara yang bercanggah dengan aqidah Islam. Apabila didapati bahawa ini bercanggah dengan aqidah, pendekatan Kerajaan yang diambil di peringkat awal ialah mendidik masyarakat dan memberi kefahaman kepada masyarakat.

Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan buku, menerangkan di mana salahnya pegangan-pegangan mereka.

Kemudian, apabila ini kami anggap masyarakat sudah faham, barulah tindakan yang kedua diambil. Tindakan yang kedua diambil baru-baru ini ialah mengarahkan semua pejabat Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan supaya tidak menyokong dan tidak memberi apa-apa peluang untuk menggunakan kemudahan Kerajaan bagi penyibaratan atau kegunaan badan ini. Jadi, segala sangkaan yang mengatakan Menteri terlibat menggunakan Arqam dan sebagainya tidak ada kena-mengena dengan kegiatan mengharamkan Arqam ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kegiatan Aurad Muhammadiyah yang dianjurkan oleh Arqam ini diharamkan, tidak bererti bahawa kegiatan itu sudah berhenti ataupun tidak bererti bahawa ia tidak boleh memesongkan aqidah umat Islam. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah pihak Pusat Islam atau Jabatan Perdana Menteri menghubungi pihak-pihak pemimpin Arqam, termasuk muridnya atau ketuanya seperti Ustaz Ashaari Mohammad bagi membincang dan menyelesaikan masalah ini dengan secara yang baik kerana dalam lain-lain kegiatan, terutamanya dari segi kegiatan ekonomi atau lain-lain kegiatan Arqam, ianya tidak menampakkan sesuatu yang boleh dikatakan memberi masalah kecuali mengenai dengan ajaran Aurad Muhammadiyah ini.

Kedua, Arqam ini dikenali sebagai salah satu pergerakan dakwah yang tidak berdaftar. Lazimnya di kalangan gerakan Islam ini, saya rasa Timbalan Menteri pun tahu masing-masing hendak bersaing. Kalau kita tanya orang Tabliq, dia kata lebih hero, lebih hebat. Kalau kita tanya kumpulan satu lagi, dia kata lebih hebat. PAS kata dia lebih hebat, jadi macam-macamlah. Tadi wakil Pengkalan Chepa sudah tanya, saya hendak bertanya Arqam dengan PAS, ini mana lebih bahaya?

**Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama itu usaha-usaha telah dibuat untuk memberi kefahaman kepada pengikut-pengikut Arqam sama ada pengikut di peringkat sederhana ataupun pengikut yang dianggap ketua-ketua kepada pergerakan ini tetapi tidak berhasil. Mereka tentulah tidak mahu bertolak-ansur daripada pegangan mereka. Akhir-akhir ini dan dalam buku-buku yang mereka tulis, nampaknya mereka isu mirip kepada politik, kerana mereka menggambarkan dalam buku bahawa pemimpin Arqam ini akan menjadi Perdana Menteri dan akan kembali ke Malaysia untuk menyelamatkan rakyat Malaysia daripada kekecohan politik dalam negara. Begitu juga dalam ajaran mereka, mereka mengusulkan konsep Inram Mahadi yang bererti bahawa satu reformis atau satu commander kepada orang Islam akan balik membersihkan masyarakat ini daripada segala kekarutan.

Dalam asuhan mereka kepada pengikut-pengikut, cara kurikulum yang dibawa adalah sangat merbahaya, kerana ada pemupukkan perasan pemujaan kepada ketua secara membabi-butu. Jadi, unsur-unsur ini telah bercampur-aduk dengan kegiatan dakwah maka dipercayai bahawa ini boleh menggugat kestabilan pemikiran umat Islam, malah boleh menggugat juga keadaan keselamatan.

### KAMPUNG TRADISI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

5. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan beliau membangunkan semula kampung-kampung tradisi di Wilayah Persekutuan, khususnya, dan di Lembah Pantai amnya, supaya penduduk-penduduk menerima unsur-unsur permodenan terutamanya, infrastruktur ke kampung-kampung berkenaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memutuskan supaya kampung-kampung tradisi di Wilayah Persekutuan dibangunkan selaras dengan pembangunan perbandaran Kuala Lumpur. Di samping itu juga, kajian tentang daya maju dan perancangan fizikal akan dibuat oleh juruperunding yang akan dilantik. Beberapa Jawatankuasa telah dibentuk untuk menyelaras, mengawasi dan mengesan pelaksanaan program pembangunan ini. Pembangunan kampung tradisi seperti Kampung Sungai Penchala, Segambut, Gombak, Selayang dan Kampung Datuk Keramat akan menggunakan konsep pembangunan kampung baru dengan beberapa pengubahsuaian.

Kemudahan infrastruktur akan dirancang dengan teliti dan dipertingkatkan bertujuan untuk menaikkan nilai ekonomi dan guna tanah bagi kampung-kampung tradisi tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr V. David.

*(Soalan No. 6 Y.B. Dr. V. David tidak hadir)*

### EKSPORT BARANGAN UTAMA MELALUI NEGARA LAIN

7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hingga kini adakah komoditi utama kita seperti getah, bijih timah, balak, minyak kelapa sawit dan lain-lain masih lagi diekspot melalui negara lain dan tidak terus kepada negara-negara pembeli.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-

Pertua, Malaysia sedikit sebanyak masih mengeksport barangan utama melalui negara lain. Di antara barangan utama Malaysia yang masih dieksport melalui negara lain adalah getah asli, kayu gergaji, minyak kelapa sawit dan lada hitam melalui Singapura kerana kekerapan kapal-kapal berlabuh di pelabuhan Singapura adalah jauh lebih banyak jika dibandingkan dengan pelabuhan kita. Walau bagaimanapun, amalan mengeksport dengan menggunakan pelabuhan Singapura telah semakin berkurangan.

Misalnya pada tahun 1980 Malaysia menghantar sebanyak 27% daripada getah aslinya ke Singapura untuk dieksport semula tetapi peratusannya telah menurun kepada 13% pada tahun 1985 dan 9% pada tahun 1990. Demikian juga pengeksporan kayu-kayuan melalui Singapura yang sebanyak 30% daripada jumlah eksport negara pada tahun 1980 telah menurun ke paras 24% pada tahun 1985 dan 18% pada tahun 1990.

Perkembangan bagi pengeksporan minyak kelapa sawit juga memberi gambaran yang serupa. Dari jumlah eksport negara sebanyak 2.1 juta tan dalam tahun 1980, lebih kurang 29% telah dihantar melalui Singapura. Pada tahun lepas pula hanya 13% daripada jumlah eksport minyak kelapa sawit sebanyak 5.6 juta tan telah dihantar ke Singapura untuk dieksport semula.

Malaysia pada suatu ketika banyak bergantung kepada Singapura untuk mengeksport lada hitam yang kebanyakannya berasal dari Sarawak. Dalam tahun 1980, 76% daripada jumlah eksport lada hitam yang sebanyak 31,719 tan telah dieksport melalui Singapura. Walau bagaimanapun, dengan usaha promosi yang dijalankan oleh Jemaah Pemasaran Lada Hitam Malaysia telah berjaya

meningkatkan eksport ke destinasi lain terutamanya jualan terus ke Amerika Syarikat dan Korea Selatan semenjak tahun 1985. Pada tahun 1990 hanya 38% dari jumlah eksport lada hitam Malaysia adalah melalui Singapura.

Bagi koko sebilangan besar eksport biji koko Malaysia adalah juga ditujukan ke Singapura dan Netherlands yang telah diproses semula untuk menjadikan barangan koko sebelum dieksport semula.

Bagi bijih timah pula boleh dikatakan hampir seluruh eksport adalah terus kepada negara-negara pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkembangan perdagangan yang begitu pesat, Kerajaan sedang dan akan menambahkan kemudahan pelabuhan dan pengangkutan yang berkaitan yang sedia ada supaya lebih banyak kapal akan singgah di pelabuhan kita. Dengan itu tidak perlu barang-barang eksport kita melalui negara yang ketiga.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan tadi kita mengetahui bahawa kekerapan kapal berlabuh di Singapura, bolehkah saya tahu barang-barang yang kita eksport ke luar negeri itu sama ada kapal-kapal yang kepunyaan kita, iaitu Malaysian International Shipping Corporation (MISC), dengan izin, berlabuh di Singapura dan kalau masih berlabuh di Singapura apakah keupayaan kita untuk barang-barang eksport ini terpaksa pergi ke sana dan tidak menggunakan kapal-kapal kita di pelabuhan kita sendiri.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini memerlukan notis kerana melibatkan Kementerian yang lain.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, harapakah jumlah nilai barang-barang yang dieksport melalui Singapura sepertimana yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi?

Yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Kerajaan sedang mengambil tindakan supaya kesemua barang-barang ini akan dieksport melalui pelabuhan kita dan tidak lagi melalui negara ketiga ataupun melalui Singapura. Jadi, bilakah agaknya, kalau boleh Yang Berhormat beritahu kita, bilakah kita akan dapat menggunakan segala facility yang ada di negara kita ini tanpa melalui negara ketiga.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, tentang jumlah yang dieksport melalui negara lain ini sebagaimana yang telah saya terangkan tadi iaitu berdasarkan tahun-tahun. Kalau saya hendak ulang balik, saya rasa memakan masa.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi peratus, jadi saya hendak tahu berapa nilainya? Kalau kayu 18%, berapa juta?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab panjang sedikit. Getah asli, misalnya pada tahun 1990 bernilai 1.321 juta tan, bijih timah 52.703 juta tan, kayu gergaji 5,222,900 cubic metres, kelapa sawit 5,650,310 tan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang dia minta ialah nilai harga.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Ya, bukan dari segi tonnage dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Kalau berkehendakkan nilai atau jumlah wang, itu memerlukan notis, sebab angka yang ada pada saya ini ialah tentang berat barangan yang digunakan. Begitu juga bagi soalan kedua, memerlukan notis, kerana penyiapan pelabuhan itu adalah, di bawah tanggungjawab Kementerian yang lain.

### RACUN PEROSAK

8. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bagaimanakah seriusnya penggunaan berlebihan racun perosak di negara ini dan bagaimana masalah ini memberi kesan ke atas kesihatan awam; dan
- (b) sama ada terdapat apa-apa pindaan diperkenalkan kepada Akta Makanan 1983 di mana hanya pekebun-pekebun sayur yang menggunakan racun serangga perosak berlebihan akan dihukum dan bukan penjaja-penjaja sayur yang tidak mengetahui tentang sayur-sayuran yang disembur racun.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, penggunaan berlebihan racun perosak sememangnya berlaku di negara ini. Walau bagaimanapun, kejadian ini adalah tidak sering dan terkawal.

Masalah penggunaan berlebihan racun perosak memberi kesan ke atas kesihatan awam seperti gangguan pada sistem saraf, pernafasan, sistem penghadaman dan sistem reproduksi ataupun reproduction system, dengan izin. Jumlah kes-kes keracunan akibat memakan makanan seperti sayur-

sayuran dan buah-buahan yang dicemari oleh racun perosak adalah kecil dan kes keracunan oleh racun perosak yang dilaporkan dan dimasukkan ke hospital disebabkan oleh terkaman racun perosak (accidental poisoning) dan percubaan membunuh diri (suicidal poisoning) menunjukkan arah yang menurun (declining trend).

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pindaan yang diperkenalkan di bawah Akta tersebut, di mana hanya pekebun-pekebun sayur sahaja akan dihukum.

Di bawah Akta Makanan 1983, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mana-mana pihak sama ada pekebun-pekebun ataupun penjual-penjual sayur yang didapati bersalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

*(Soalan No.9 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

*(Soalan No.10 Y.B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir)*

### Soalan No. 11

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Che Ibrahim bin Mustafa.

**Che Ibrahim bin Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 11 telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kelmarin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Yang Berhormat Tuan Joseph Voon.

*(Soalan No.12 Y.B. Tuan Joseph Vun Shin Choi tidak hadir)*

### RUMAH KOS RENDAH— KELEWATAN PEMBINAAN

**13. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi alasan tentang mengapa hanya 164,396 atau 33.2% dari 495,000 rumah-rumah kos rendah yang dicadangkan itu disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mewujudkan keadaan di mana warganegara negara ini mampu membeli rumah-rumah yang dibina.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, prestasi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima tidak tercapai sepenuhnya adalah terutamanya kerana kemelesetan ekonomi negara yang secara tidak langsung telah mengakibatkan kemerosotan industri perumahan. Apabila ekonomi negara pulih pada pertengahan tahun 1988, industri perumahan baru turut sama berkembang dengan pesat. Memandangkan tempoh untuk menyiapkan sesuatu projek perumahan kos rendah memakan masa di antara 18 hingga 36 bulan, maka sehingga akhir tempoh Rancangan Malaysia Kelima cuma 164,396 unit sahaja yang dapat disiapkan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak pembinaan unit rumah kos rendah sedang dilaksanakan dalam berbagai peringkat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mewujudkan keadaan di mana warganegara ini mampu membeli rumah-rumah yang dibina, di antaranya ialah:

- (i) mengadakan skim pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah;
- (ii) mengadakan rumah kos rendah dijual dengan harga tidak melebihi \$25,000 seunit;

- (iii) mewujudkan skim pertapakan dan kemudahan yang dijual dengan harga \$10,000 seunit di Semenanjung Malaysia dan \$13,000 seunit di Sabah dan Sarawak;
- (iv) memberikan pinjaman tanpa faedah kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan skim pertapakan dan kemudahan;
- (v) Kerajaan-kerajaan Negeri pula mengadakan kuota yang mewajibkan pemaju rumah membina rumah-rumah kos rendah dalam projek yang besar.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada alasan bahawa disebabkan oleh kemelesetan ekonomi bahawa rumah kos rendah telah banyak tidak dibina, adakah benar kalau saya menyatakan bahawa sebab utama kekurangan pembinaan rumah kos rendah ini kerana pemaju-pemaju tidak mahu membina rumah sebab keuntungannya kecil, harganya terkawal dan tapak-tapak yang patut disediakan oleh Kerajaan sebagai subsidi termasuk infrastruktur yang disebutkan tadi sebenarnya tidak ada dan harga \$25,000 bagi rumah kos rendah kepada pemaju-pemaju adalah terlalu rendah dan tidak menguntungkan?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, adakah tidak benar sama sekali bahawa pemaju-pemaju tidak mahu melibatkan diri di dalam pembinaan rumah kos rendah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini terdapat 230,908 unit rumah kos rendah sedang dalam pembinaan pada masa sekarang. Jika sekiranya 230,908 unit ini siap, maka jumlah sebenar yang akan siap ialah lebih kurang 400,000 unit rumah kos rendah.

## JAMBATAN PULAU PINANG— PENSWASTAAN

**14. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menswastakan Jambatan Pulau Pinang sekarang atau di masa hadapan dan sama ada sesiapa telah menghantarkan apa-apa permohonan untuk ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang memberi pertimbangan yang mendalam mengenai penswastakan Jambatan Pulau Pinang. Unit Perancang Ekonomi telah menerima cadangan penswastakan daripada dua pihak swasta yang berminat.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan memberitahu nama-nama dua pihak yang berminat itu dan adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berminat untuk menjalankan penswastakan ini dan adakah mereka membuat satu permohonan?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Kedua-dua syarikat yang telah mengemukakan minat ialah Syarikat UEM dan Syarikat Segar-Suriya Sdn. Bhd.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa dalam perkara ini iaitu penswastakan Jambatan Pulau Pinang, selalu ada kenyataan-kenyataan yang bercanggah di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri khususnya kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri, Pulau Pinang bahawa mereka tidak tahu langsung mengenai perkara ini dan tidak diberi maklumat.

Adakah Kerajaan Persekutuan memberi maklumat-maklumat dan berhubung dengan Kerajaan Negeri mengenai perkara ini dalam semua peringkat usaha untuk menswastakan Jabatan ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Kerajaan Pusat sentiasa berhubung dengan setiap Kerajaan Negeri mengenai perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

*(Soalan No. 15. Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.

*(Soalan No.16 Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir)*

#### DASAR PENSWASTAAN— GARISPANDUAN

17. **Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa Kerajaan Pusat mengeluarkan garis panduan melalui Pekeliling Am Bilangan 2/1985 serta penjelasan mengenai pelaksanaan Dasar Penswastan bertarikh 8.12.1987 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri menetapkan dalam segala projek penswastan tender terbuka tidak perlu dipakai;
- (b) jika ya, bukannya cara ini boleh membawa kecurangan dan penyelewengan dalam pelaksanaan Dasar Penswastan; dan
- (c) mengapa cara tender terbuka tidak dipakai.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar Pekeliling Am Bil.2/1985 dan Surat Penjelasan mengenai pelaksanaan Dasar Penswastan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi menetapkan bahawa tender terbuka tidak perlu dipakai dalam pelaksanaan Dasar Penswastan.

Sukalah saya mengambil peluang ini untuk menjelaskan bahawa adalah menjadi amalan Kerajaan supaya projek-projek penswastan dilaksanakan melalui tawaran terbuka. Hal ini dapat dilihat daripada pelaksanaan Dasar Penswastan di mana kebanyakan projek-projek penswastan telah dibuat melalui tawaran terbuka seperti projek Lebuhraya Utara/Selatan, Terminal Kontena Pelabuhan Kelang dan Jabatan-jabatan di sekitar Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, memandangkan Dasar Penswastan masih lagi di peringkat awal dan Kerajaan inginkan penglibatan aktif daripada pihak swasta, bagi menjayakan dasar ini Kerajaan berpendapat adalah wajar dipertimbangkan cadangan yang didaya-usahakan oleh pihak swasta dengan tujuan untuk menimba idea-idea yang baik dan inovatif daripada pihak swasta bagi membantu mempergiatkan lagi pelaksanaan Dasar Penswastan.

Selaras dengan hasrat inilah Unit Perancang Ekonomi telah mengeluarkan surat penjelasan dan meminta jabatan-jabatan Kerajaan memberi kerjasama yang erat kepada pihak swasta dalam menjayakan Dasar Penswastan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan sentiasa mengkaji semua pekeling yang dikeluarkan dari masa ke semasa dan

membuat pindaan yang diperlukan bagi memenuhi kehendak semasa. Selaras dengan amalan ini Kerajaan telahpun mengkaji semula Pekeliling Am Bil. 2/1985 dan satu garis panduan baru mengenai penswastaaan yang dikenali sebagai dokumen Pelan Induk Penswastaaan telahpun diedarkan kepada orang ramai. Ahli Yang Berhormat boleh mendapat dokumen tersebut dari Jabatan Percetakan Negara yang dijual dengan harga \$10 senaskah.

Berasaskan penjelasan yang saya berikan sebentar tadi adalah tidak perlu bagi saya menjawab bahagian (b) dan (c) soalan Yang Berhormat kerana soalan berkenaan berasaskan dakwaan yang tidak benar sama sekali.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat memberi jawapan tadi dia mengatakan soalan saya ini tidak benar. Tetapi di dalam Dewan Undangan Negeri Yang Amat Berhormat Ketua Menteri jawab kepada saya bahawa Kerajaan Pusat ada mengeluarkan garis panduan ini. Saya ingin tahu siapa yang betul, oleh kerana Kerajaan Negeri cakup lain dan Kerajaan Pusat cakup lain, ini saya pun hairan tidak tahu macam mana. Bolehkah Yang Berhormat beri sedikit penerangan yang lebih jelas?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat sendiri yang tidak faham apa yang diberitahu kepada beliau. (Tepuk) Kerana kedua-dua pekeling dan penjelasan yang kemudian adalah jelas dan saya boleh baca kepada Yang Berhormat mengenai prosedur pemilihan urusan penswastaaan No.7 "Bagi projek-projek penswastaaan yang di....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah panjang ayat itu?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Pendek. "Bagi projek-projek penswastaaan yang dikenalpasti oleh Kerajaan, prosedur tender yang ada sekarang perlulah dipatuhi". Itu begitu jelas.

#### DOKTOR KERAJAAN— MENAMBAH INSENTIF

**18. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menambah insentif kepada doktor-doktor Kerajaan sama ada gaji dan lain-lainnya supaya mereka tidak meletak jawatan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menarik minat doktor-doktor Kerajaan supaya berkhidmat lebih lama dengan Kerajaan ialah:

- (i) menambah kadar elaun pakar seperti yang telahpun diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/90 berkuatkuasa mulai 1.12.1989;
- (ii) menambahkan bilangan jawatan Pakar Tingkatan Tertinggi supaya memberi peluang kenaikan pangkat yang lebih luas kepada Doktor-Doktor Pakar;
- (iii) menimbangkan kenaikan pangkat Doktor-Doktor Tingkatan Biasa ke jawatan Tingkatan Kanan secara automatik selepas 5 tahun perkhidmatan dengan Kerajaan, dan
- (iv) menambah bilangan biasiswa ataupun Hadiah Latihan bagi mengikuti kursus kepakaran di dalam dan di luar negeri.

### MAS—KEUNTUNGAN DIPEROLEHI

**19. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) keuntungan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dari tahun kewangan 1989 hingga setengah tahun 1991. Apakah MAS bercadang untuk menaikkan kadar tambang penerbangan dalam negeri dan antarabangsa. Jika ada, bila; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sebagai syarikat penerbangan antarabangsa sahaja dan memberikan perkhidmatan penerbangan dalam negeri kepada syarikat lain.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan bahagian:

- (a) Keuntungan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) selepas ditolak cukai dan perkara-perkara luar biasa, dengan izin, extraordinary items adalah \$221.9 juta bagi tahun kewangan 1989 hingga 1990; \$228.5 juta bagi tahun kewangan 1990 hingga 1991 dan keuntungan dari April 1991 hingga Ogos 1991 adalah \$126.6 juta.

Mengenai kadar tambang penerbangan, sukacita saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan buat masa ini tidak mempunyai apa-

apa cadangan untuk mengkaji semula kadar tambang penerbangan dalam negeri. Mengenai kadar tambang penerbangan antarabangsa pula, Kerajaan telah meluluskan kenaikannya di antara 15% hingga 30% secara berperingkat-peringkat di antara tahun 1991 hingga 1992 bagi sektor-sektor tertentu. Kelulusan ini telahpun berkuatkuasa mulai 27.4.1991 yang lalu.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kajian Pemisahan Perkhidmatan-Perkhidmatan Domestik dan Antarabangsa MAS telah siap dilaksanakan. Syor-syor mengenai kajian tersebut adalah masih dalam pertimbangan Kerajaan.

### KELAYAKAN PERUBATAN UNIVERSITI LUAR NEGERI— PENGIKTIRAFAN

**20. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Pendidikan menyatakan kira-kira perkhidmatan dalam Baki Bayaran Malaysia (Malaysia's Balance of Payments) terus-menerus dalam keadaan kekurangan, dan program-program "twinning" sedang digalakkan bagi menurunkan perbelanjaan pendidikan seberang laut. Dalam hubungan ini, memandangkan dari besar jumlah masyarakat Malaysia yang mendapatkan pendidikan dalam bidang perubatan di India, adakah Kerajaan membenarkan kursus-kursus Pra-Perubatan dan Asas Perubatan, diadakan di Malaysia oleh Kolej-kolej Perubatan India. Juga, oleh kerana kos pendidikan dan tempat tinggal adalah lebih murah di India, Bangladesh, Pakistan, Indonesia dan Philipina, jika dibandingkan dengan negara-negara Barat, adakah Kerajaan bercadang untuk mengiktiraf lebih banyak universiti dari negara-negara tersebut dan ijazah-ijazahnya.

**Dr Fong Chun Onn:** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan bagi menentukan tempat-tempat pengajian tinggi di luar negara yang diiktiraf kelulusannya oleh Kerajaan adalah diasaskan kepada:

- (i) keperluan sesuatu bidang itu di dalam Perkhidmatan Awam;
- (ii) mutu kelayakan; dan
- (iii) kesesuaian mengendalikan tugas dalam sesuatu jawatan awam.

Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk mengiktiraf lebih banyak kelayakan perubatan dari universiti-universiti dari beberapa negara yang telah diumumkan kerana bilangan yang telah diiktiraf oleh Kerajaan adalah didapati lebih dari mencukupi untuk memenuhi keperluan dalam Perkhidmatan Awam.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengenai kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga oleh beliau sendiri bahawa pihak MCA akan meminta supaya ijazah perubatan dari negara India dan Taiwan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, tetapi sekarang di sini cakap lain. Ini seperti cakap tidak serupa bikin. Adakah beliau pernah menohon kepada pihak Kementerian bahawa pengiktirafan ini diluluskan kerana mutu ijazah ini adalah diiktiraf di seluruh dunia dan bukan hanya di negara-negara tertentu sahaja?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang selalu mendakwa bahawa kita bercakap bohong. Tetapi apabila ditentukan mereka yang salah, mereka tidak menganggap salah dan tidak meminta maaf. (*Tepuk*) Ini menunjukkan sikap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini adalah berkaitan dengan negara-negara yang disebutkan dalam soalan itu dan saya rasa soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak berkaitan dengan itu negara-negara yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pendidikan selalu bersedia untuk menerima permohonan dari semua universiti yang ingin ijazah mereka diiktiraf dan proses pengiktirafan itu adalah mengikut proses dan kriteria yang kita tentukan. Oleh kerana itulah saya andaikan bahawa dakwaan-dakwaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak berkaitan.

#### PENGGUNAAN KAD KREDIT— KESAN NEGATIF

**21. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sudahkah pihak Kerajaan mengenalpasti tentang akibat negatif hasil dari pengeluaran Kad-kad Kredit atau "Charge Card" dengan berleluasa oleh pihak bank dan institusi kewangan;
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk memperbaiki peraturan dan kaedah untuk mengawal dengan lebih kemaskini akan prosedur pengeluaran kad-kad kredit tersebut; dan
- (c) berapa ramai individu yang telah diisytiharkan sebagai mufliis akibat penggunaan kad kredit ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kesan negatif dari penggunaan kad kredit dan kad caj di Malaysia khususnya ke atas

kenaikan kadar inflasi negara masih belum dapat dibuktikan dengan statistik yang kukuh.

Dalam kajian awal yang dibuat oleh Bank Negara, jumlah kredit yang diberi melalui penggunaan kad kredit hanyalah kira-kira 0.8% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem bank. Dengan itu kesannya ke atas inflasi adalah amat kecil.

Di samping itu juga, perbelanjaan yang dibuat melalui kad kredit merupakan sebahagian kecil daripada jumlah perbelanjaan penggunaan di negara ini di mana anggaran kasarnya bagi setengah tahun pertama 1991 adalah kira-kira 6% daripada jumlah perbelanjaan penggunaan.

Pada masa ini, Bank Negara sedang menjalankan kajian yang lebih terperinci mengenai operasi kad kredit dan kad caj di negara ini. Oleh itu Kerajaan masih belum mengenakan apa-apa peraturan mengenai pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj di negara ini selain daripada mengawasinya sahaja. Sebarang keputusan untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj akan dibuat selepas kajian terperinci selesai dijalankan oleh Bank Negara nanti.

Sungguhpun begitu, sukacita dimaklumkan bahawa sebagai langkah awal ke arah mengawal perniagaan tanda kredit atau, dengan izin, credit token business, yang termasuk kad kredit dan kad caj, Kerajaan telah mengelaskan perniagaan itu sebagai institusi-institusi terjadual di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, di mana mereka dikehendaki berdaftar dengan Bank Negara dan menyampaikan maklumat-maklumat mengenai perniagaan mereka kepada Bank Negara. Melalui

maklumat-maklumat yang diterima, Bank Negara akan dapat mengikuti perkembangan dalam perniagaan kad kredit dan kad caj.

Mengenai bilangan orang yang telah diisytiharkan muflis akibat daripada penggunaan kad kredit dan kad caj pula, Kementerian Kewangan tidak dapat memberikan maklumat-maklumat mengenainya kerana rekod-rekod mengenai orang yang muflis yang diselenggarakan oleh Jabatan Pemegang Harta tidak mengelaskan sebab-sebab mereka dimufliskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun setakat ini belum ada peraturan yang dikenakan dari segi soal-soal kad kredit dan kad caj, saya ingin mengetahui, apakah pihak Bank atau institusi kewangan yang mengeluarkan kad kredit ini menentukan sendiri dari segi harga bayaran pemerosesan? Sebab kecenderungan mereka ini mengeluarkan kad yang begitu banyak ialah kerana pungutan dari segi pemerosesan kad kredit dan kad caj ini.

Perkara yang kedua, apakah interest yang dikenakan kepada pemegang-pemegang kad kredit dan kad caj ini, kalau kelewatan bayar, oleh institusi kewangan yang mengeluarkan kad ini, yang merupakan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kriteria yang digunakan oleh institusi kewangan, memang betul kesemua kriteria yang digunakan adalah berdasarkan kepada amalan yang berbeza-beza di antara institusi-institusi kewangan, sama ada dalam bentuk kos pemerosesan pada kadar yang agak nominal, dengan izin, dan juga dari segi kemudahan kredit yang diberikan kepada pelanggan tertentu

dan juga had umur serta kelayakan mereka yang hendak menjadi pelanggan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hingga kini pengesanan yang dibuat oleh Bank Negara ialah kriteria-kriteria ini adalah yang berbeza-beza berdasarkan kepada amalan yang berbeza-beza di antara institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang kedua, iaitu kadar faedah yang dikenakan, rata-rata antara 16% hingga 24% iaitu satu struktur kadar faedah yang agak tinggi. Oleh yang demikian, masyarakat pengguna kad kredit ini sewajarnya maklum bahawa penggunaan kemudahan kad kredit ini adalah pada kos yang tinggi seperti kadar yang saya sebutkan sebentar tadi.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri ada berkata banyak kad kredit dikeluarkan oleh syarikat kewangan atau bank-bank sekarang. Saya rasa ramai orang mendapat kad kredit sekarang ini dengan senang dan sewenang-wenangnyanya. Saya hendak tahu adakah Kerajaan akan membentangkan satu Akta di dalam Dewan ini, iaitu Consumers Credit Act seperti di United Kingdom untuk mengawal syarikat-syarikat credit card atau charge card.

**Tuan Abdul Ghani bin عثمان:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar, kebelakangan ini perlambahan yang begitu pesat dalam industri kad kredit dan kad caj ini, terutama sekali di akhir-akhir satu dua tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan hingga kini adalah memadai terlebih dahulu untuk mengizinkan Bank Negara mengumpulkan segala maklumat yang lebih terperinci. Bank Negara telah diarahkan untuk membuat kajian kali kedua supaya dapat memastikan sejauhmana industri kad

kredit dan kad caj ini membawa kesan yang agak baik ataupun tidak baik untuk ekonomi dan untuk masyarakat pengguna.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hingga kini ianya dianggap memadai berdasarkan kepada peruntukan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr V. David.

*(Soalan No. 22 Y.B. Dr V David tidak hadir)*

## HARI KEAMANAN SEDUNIA

23. Tuan **Lau Dak Kee** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengapa rakyat Malaysia menyambut dingin terhadap Hari Keamanan Sedunia yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Dataran Merdeka baru-baru ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hari Keamanan Sedunia yang telah diadakan pada 18 September tahun ini di Dataran Merdeka telah dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Mengikut pihak penganjur, sambutan daripada orang ramai terhadap perhimpunan tersebut adalah memuaskan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan tidak mengambil berat tentang Hari Keamanan Sedunia di mana Malaysia telah menjadi seorang Ahli dari Bangsa-bangsa Bersatu dan nampaknya di mana saya tahu, Hari Keamanan Sedunia itu telah disambut dengan begitu dingin dan hanya segelintir orang sahaja yang hadir dan ini telah mencerminkan bahawa Malaysia tidak

mengambil berat tentang Hari Keamanan Sedunia dan juga menentang hasrat Malaysia di mana Malaysia berkata bahawa Malaysia akan menyumbang sedaya upayanya untuk keamanan dunia ini dan saya hendak tahu mengapa Kerajaan tidak mengambil berat tentang perkara ini.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengambil berat, kerana perhimpunan tersebut diadakan di sini dan pada waktu malam itu ada seramai 2,000 orang yang menyertai perhimpunan itu. Itu adalah cukup ramai.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan dakwaan daripada pihak DAP bahawasanya Hari Keamanan Sedunia yang dianjurkan itu tidak mendapat sambutan, saya hendak mendapat tahu, berapa ramaiakah penyokong DAP yang hadir pada majlis tersebut, sama ada mereka hadir atau tidak.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Sabu.

*(Soalan No. 24 Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir)*

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap. Kena patah balik dahulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Peraturan Mesyuarat 24(2). Kalau seseorang Ahli tidak ada, Ahli-ahli yang lain boleh mengambil soalan itu sebagai soalnya.

**Beberapa Ahli:** Sudah tahu dah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti habis dahulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini soalan yang terakhir. Kalau ini dibuat mengikut Peraturan Mesyuarat ini, soalan macam ini boleh didahulukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu!

**Tuan Lim Guan Eng:** Baiklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita berbalik semula. Yang Berhormat Dr V. David.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Speaker, soalan yang keenam.

#### CUEPACS—RUNDINGAN BERSAMA KAKITANGAN KERAJAAN

**6. Tuan Ahmad bin Nor** *(di bawah S.O. 24(2))* minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a)* adakah beliau ingin mengikuraf hak berunding bersama kakitangan-kakitangan Kerajaan;
- (b)* jika ianya betul, bolehkah kakitangan-kakitangan Kerajaan diberi peluang merunding gaji dan kemudahan bekerja melalui CUEPACS, kerana CUEPACS adalah Federasi atau "Umbrella Organisation" bagi Kesatuan-kesatuan Kakitangan Kerajaan; dan
- (c)* jika ianya tidak, bolehkah beliau memberi penjelasan atas sebab-sebabnya hak merunding bersama kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak diamalkan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak pernah menafikan hak berunding dengan kakitangan Kerajaan. Mengikut amalan yang lalu, walaupun Kerajaan tidak memberi atau menggariskan

secara langsung hak perundingan kepada kesatuan-kesatuan sekerja dalam sektor awam. Dari segi praktiknya Kerajaan masih mengamalkan perundingan. Ini jelas ditunjukkan dalam masalah tuntutan pelarasan gaji oleh kesatuan-kesatuan sekerja awam pada masa-masa yang lalu.

Sehubungan dengan ini juga, penubuhan lima Majlis Bersama Kebangsaan yang ada sekarang adalah merupakan suatu jentera untuk membolehkan kesatuan-kesatuan sekerja sektor awam berbincang dengan pihak Kerajaan prinsip-prinsip yang mempengaruhi kedudukan saraan, elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan bagi pekerja Kerajaan.

Daripada penjelasan-penjelasan ini, sudah nyata bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap aspek-aspek kebajikan kakitangan Kerajaan. Kakitangan Kerajaan sesungguhnya sudah diberi peluang seluas-luasnya untuk berbincang dan mengemukakan pandangan mereka terhadap perkara-perkara yang menyentuh kepentingan kakitangan Kerajaan.

Sekali lagi, saya ingin menafikan sekeras-kerasnya anggapan bahawa Kerajaan tidak mengamalkan perundingan dan berbincang dengan kakitangan Kerajaan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Soalan tambahan. Sistem perundingan melalui kelima-lima Majlis Bersama Kebangsaan itu dalam istilah perhubungan perusahaan bukanlah perundingan. Barangkali Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak faham. Perundingan yang dimaksudkan adalah jenis perundingan yang mana pihak pekerja dan pihak majikan mempunyai kata sepakat, persetujuan sebelum sebarang keputusan dirunding.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalnya apa?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Soalan tambahan saya, sama ada disodari atau tidak maksud perundingan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ialah perundingan yang sebenarnya dalam konteks perhubungan perusahaan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itulah yang tak faham sangat. Sebenarnya bukan dia yang berunding, yang berunding ialah kesatuan kakitangan/pegawai-pegawai Kerajaan, dia tidak faham. Yang sebenarnya, saya di Jabatan Perdana Menteri, pihak Menteri berunding, semua pihak berunding dan yang akhir sekali pelarasan gaji dan elaun semuanya diterima oleh pihak kesatuan kakitangan Kerajaan. Inilah perundingan. Yang kita berunding itu berbincang di atas satu-satu perkara—berundinglah, dua orangkah atau tiga orangkah, berundinglah itu. Sampai itu pun tak faham, jadi Wakil Rakyat macam mana? (Ketawa)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

**Dr Osman Minudin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9.

## HUTANG NEGARA

9. **Dr Osman Minudin** (*dibawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah hutang negara yang terkumpul hingga bulan September tahun ini. Negara manakah yang paling banyak memberi pinjaman kepada Malaysia?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang luar negara sehingga bulan Jun, 1991 adalah sebanyak \$41 ribu juta. Dari jumlah tersebut \$24.6

ribu juta adalah hutang luar Kerajaan Persekutuan, \$11 ribu juta adalah hutang perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dan bakinya sejumlah \$5.4 ribu juta adalah hutang luar sektor swasta.

Pinjaman luar diperolehi dari berbagai punca termasuklah institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, dari punca dua hala iaitu dari negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jepun dan United Kingdom, bank-bank perdagangan antarabangsa dan juga kredit pembekal.

Di kalangan negara-negara maju, Jepun adalah merupakan negara yang paling banyak memberi pinjaman kepada Malaysia. Sehingga akhir tahun lalu, pinjaman luar Malaysia yang diperolehi dari Jepun adalah sebanyak \$3.5 ribu juta iaitu kira-kira 8.4% dari jumlah hutang luar negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 10.

#### DASAR LUAR MALAYSIA DENGAN NEGARA BALTIC

10. **Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** (*dibawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) dasar luas negara kita terhadap perubahan-perubahan sistem Kerajaan dan kelahiran negara-negara baru merdeka di Kesatuan Soviet Russia dan negara-negara Baltic serta Timur Eropah; dan
- (b) sejauh manakah dasar luar negara telah dan akan mempengaruhi hubungan dagangan secara dua hala di negara-negara tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa mengikuti segala perubahan yang berlaku di Soviet Union dan Eropah Timur. Sebuah Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penyelaras antara Jabatan mengenai hubungan Malaysia dengan Eropah Timur yang dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri telah mengenalpastikan polisi-polisi yang perlu dilaksanakan untuk membolehkan Malaysia mengambil peluang yang terdapat di rantau tersebut. Kementerian-kementerian yang berkaitan sedang giat melaksanakan tindakan-tindakan supaya dapat membuka peluang-peluang perdagangan untuk diterokai oleh Malaysia terutamanya oleh pihak swasta.

Kerajaan juga sedang mengulangkaji beberapa perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani dengan negara-negara Eropah Timur dan jika ia didapati sesuai, Kerajaan akan menandatangani semula perjanjian-perjanjian yang telahpun luput itu.

Begitu juga peraturan-peraturan perjalanan bagi memudahkan perhubungan di antara ahli-ahli pemiagaan juga telah diselaraskan.

Kemerdekaan negara-negara Baltic telah disambut baik oleh Malaysia dan Malaysia telah mengiktiraf negara-negara berkenaan pada 11 September, 1991. Malaysia juga telah menyokong keahlian negara-negara Baltic itu di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu semasa ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Dengan terjalinnya hubungan baik dengan negara-negara itu, maka hubungan dagangan dua-hala dijangka juga akan meningkat. Hubungan baik dengan negara-negara ini telah membuka pintu kepada pihak

swasta untuk berdagang dan berusaha sama bagi manfaat kedua-dua belah pihak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12, 15, 16, 22 dan 24 adalah diberi di bawah ini)*

### **PASUKAN PETUGAS KHAS PERSEKUTUAN DI SABAH**

**12. Tuan Joseph Voon** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebenarnya 'terms of reference' Pasukan Petugas Khas Kerajaan Persekutuan yang kini mengadakan banci penduduk pendatang haram di Sabah. Adakah orang awam boleh mendapatkan laporan Pasukan Petugas Khas ini sekat-kajian selesai.

**Tuan Ong Ka Ting:** Pada dasarnya, Pasukan Petugas Khas Persekutuan Mengenai Pendatang Luar Negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah ditugaskan oleh Majlis Keselamatan Negara untuk memastikan pengurusan, pengendalian dan penyelesaian masalah berkaitan dengan Pendatang Luar Negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan dan diselaraskan secara menyeluruh dan bersepadu, terancang dan berkesan, sesuai dengan kepentingan nasional demi menjamin keselamatan negara dan mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan masyarakat.

Tugas-tugas dan tanggungjawabnya termasuklah:

Mendaftar Pendatang Luar Negeri yang berada di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan;

Mengkategorikan mereka yang terdaftar kepada golongan Pendatang Tanpa Izin, Buruh Asing dan Pelarian;

Merancang dan mengambil langkah-langkah bagi mencegah kemasukan Pendatang Tanpa Izin ke Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan

Mengurus pengusiran Pendatang Luar Negeri yang telah dibuktikan masuk secara tidak sah ke Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Buat masa ini, data-data dan maklumat-maklumat yang diperolehi dalam masa gerakan pendaftaran itu sedang dimasukkan ke dalam komputer untuk prosesan bagi menentukan jumlah dan kategori Pendatang-pendatang Luar Negeri. Laporan mengenainya akan dibuat selepas tugas-tugas ini selesai. Persoalan sama ada laporan Pasukan Petugas Khas Persekutuan akan dikeluarkan untuk pengetahuan umum akan ditentukan oleh Majlis Keselamatan Negara setelah laporan itu dikaji dengan teliti.

### **KAD PENGENALAN PALSU**

**15. Tuan Michael Asang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah terbaru yang sedang dan akan diambil untuk menghalang pemegang kad pengenalan palsu daripada didaftarkan:

- (a) sebagai seorang pengundi yang sah di negara ini; dan
- (b) sebagai pemegang kad pengenalan bentuk yang baru.

**Tuan Ong Ka Ting:** Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan sistem pemerosesan yang rapi serta prosedur semakan yang ketat bagi setiap permohonan kad pengenalan baru. Kad-kad pengenalan baru (KPT) hanya dikeluarkan apabila Kementerian

berpuashati bahawa pemohon itu benar-benar layak mendapatkan dokumen itu kerana beliau mempunyai bukti sah yang menyokong kelayakan itu. Kaedah ini akan menghalang pemegang-pemegang kad pengenalan palsu mendapat KPT dan seterusnya didaftarkan sebagai pengundi di negara ini.

### PEMANDU PELANCONG ASING

**16. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada pelancong yang masuk ke negara ini secara 'pakej' menggunakan khidmat pemandu pelancong 'asing'. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan mereka sepatutnya menggunakan khidmat Pemandu Pelancong tempatan supaya penerangan yang diberi tepat sekali dan tidak meninggalkan kesan yang negatif kepada negara.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy):** Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memang menyedari akan adanya penggunaan khidmat pemandu pelancong 'asing' mengendalikan pakej-pakej pelancongan ke Malaysia. Pada umumnya, pemandu-pemandu pelancong warganegara asing ini terdiri dari isteri-isteri pegawai dagang asing (expatriates) yang mahir bahasa-bahasa tertentu seperti bahasa Itali, Perancis dan Jerman, di mana khidmat mereka diperlukan pada masa sekarang disebabkan bilangan pemandu pelancong tempatan yang boleh berbahasa asing sangat berkurangan.

Walau bagaimanapun, sebelum kebenaran diberi untuk mereka berkhidmat sebagai pemandu pelancong, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia akan mengadakan temuduga untuk menguji pengetahuan mereka dalam bidang pelancongan di Malaysia dan kefasihan pertuturan bahasa yang digunakan. Sekiranya berjaya, mereka dikehendaki bekerja hanya dengan agensi-agensi pelancongan dan tidak dibenarkan sebagai pemandu pelancong 'freelance'. Kebenaran diberi dari setahun ke setahun dan disambung tertakluk kepada keperluan semasa.

### GURU BAHASA INGGERIS— KEKURANGAN

**22. Dr V. David** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar tentang kekurangan serius guru-guru bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti-universiti kita;
- (b) adakah beliau diberitahu tentang beberapa orang siswazah berkebolehan dari universiti-universiti yang diiktiraf dari Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan India yang sedang mengajar di kolej-kolej swasta dan mengajar di sekolah-sekolah persendirian secara penuh masa dan kerja sambilan dan Kementerian beliau telah mengeluarkan permit-permit mengajar kepada mereka;
- (c) adakah Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa Kerajaan mengamalkan pilih-kasih dalam hal-hal perlanukan kakitangan akademik di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti-universiti Kerajaan, memandangkan siswazah-siswazah dan universiti-universiti yang tidak diiktiraf ini memberi perkhidmatan cemerlang kepada institusi-institusi swasta; dan

(d) adakah beliau ingin memberi pertimbangan melantik siswazah-siswazah ini sebagai kakitangan akademik di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti-universiti kita, secara penuh masa atau bekerja sambilan, bagi mengatasi masalah kekurangan guru-guru bahasa Inggeris yang berkelayakan.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Kekurangan guru mahupun pensyarah bahasa Inggeris di sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi tidaklah begitu serius. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Antaranya ialah dengan menambahkan pengeluaran guru-guru dan pensyarah-pensyarah bahasa Inggeris dari maktab-maktab dan universiti-universiti tempatan dan luar negeri melalui program-program berikut:

(i) **Program Praperkhidmatan**—termasuk Kursus Perguruan Lulusan Ijazah. Pada masa ini, Kementerian ini sedang melatih 331 orang guru lepasan ijazah.

(ii) **Program Kursus Dalam Perkhidmatan**—Dalam program ini, Kementerian Pendidikan sedang menyediakan guru-guru untuk kursus lanjutan dengan tujuan meningkatkan keupayaan guru-guru yang sedia ada.

(iii) **Program Kembar**—Dalam program ini, sebahagian kursus akan dijalankan di Maktab Perguruan Ilmu Khas dan sebahagian lagi di United Kingdom mulai 1992. Tujuan program ini selain daripada meningkatkan keupayaan guru-guru yang sedia ada, ia menambahkan pengeluaran guru-guru siswazah bahasa Inggeris yang berkemahiran tinggi.

(b) Kementerian Pendidikan sedar mengenai adanya lulusan daripada universiti-universiti luar negeri yang kelulusannya tidak diiktiraf oleh Kerajaan sedang menjadi tenaga pengajar di sekolah dan institusi pendidikan swasta. Kementerian Pendidikan mengeluarkan permit mengajar kepada golongan ini setelah mempertimbangkan berdasarkan permohonan dan perakuan yang dibuat oleh majikan-majikan mereka (pihak pengurusan sekolah dan institusi pendidikan swasta) yang memerlukan tenaga mereka. Adalah menjadi tanggungjawab majikan-majikan itu menentukan tenaga pengajar yang digaji oleh mereka berkeupayaan dan sesuai.

(c) Adalah tidak benar Kementerian Pendidikan mengamalkan sikap pilih kasih dalam urusan perlantikan kakitangan akademik di maktab perguruan dan universiti tempatan serta guru-guru di sekolah. Perlantikan kakitangan Kerajaan sebagaimana yang dimaklumkan adalah dibuat berdasarkan kepada

kelayakan dan tertakluk pada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

- (d) Buat masa ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengambil guru-guru asing, khususnya dari Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan India bagi mengajar mata-pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, maktab-maktab mahupun di institusi pengajian tinggi.

**MARY ANNE AROKIADASS DAN  
MUSTAKIZAH—SIASATAN  
POLIS**

24. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauhmana perkembangan penyiasatan terhadap:

- (a) Kes Mary Anne Arokiadass; dan  
(b) Kes Mustakizah.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Penyiasatan terhadap kes Mary Anne Arokiadass telah selesai dijalankan dan laporannya telah dikemukakan ke pihak Pendakwaraya untuk mendapatkan keputusan.
- (b) Penyiasatan terhadap kes Mustakizah masih berjalan. Buat masa ini, belum ada sebarang tangkapan dibuat kerana pihak Polis belum memperolehi maklumat yang kukuh dan mencukupi untuk melakukan tangkapan. Dalam usaha ini, pihak Polis telah menawarkan sebanyak \$50,000 kepada sesiapa yang memberi maklumat sehingga tertangkapnya penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam kes ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN 1992**

Bacaan Kali Yang Kedua

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN  
1992**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga atas masalah:

Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$11,522,236,210 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1992, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1991, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersefahaman dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai itu." (7hb November, 1991)

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tumpat.**

4.06 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Muhmood (Tumpat):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir-rahmanir-rahim. Pada masa ini adalah amat sukar untuk mengelakkan pengaruh-pengaruh dan kesan daripada TV. Menurut Profesor Madya Dr Abdul Rahim Mohd. Said dalam suatu kajiannya secara kasar, sekiranya seorang yang berumur 5 tahun menonton TV selama 3 jam sehari, selama 15 tahun, kita boleh membuat angguran apabila ia mencapai umur 20 tahun ia sudah terdedah kepada pengaruh berbagai-bagai rancangan TV sebanyak lebih daripada 20 ribu jam. Beliau percaya, seorang mahasiswa menggunakan hampir 5 ribu jam untuk memperolehi ijazah sarjana muda dan di dalam 10 ribu jam seseorang itu boleh menjadi seorang astronomi atau seorang jurutera yang berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Penerangan di dalam suatu kenyataannya baru-baru ini memberitahu bahawa semua rancangan TV di televisyen akan diswastakan, menyebabkan kita bertambah bimbang apakah bentuknya program-program TV yang akan diswastakan nanti. Dr Abdul Rahman Hashim pernah menyebutkan, sehingga dekad ini hampir seluruh warga dunia seakan-akan dipukau untuk menonton TV yang menyajikan jutaan resepi terutama dari segi politik, ekonomi dan sosial. Sayangnya resepi yang bersifat moral dan agama semacam tenggelam oleh saingan yang pasti datang daripada resepi hiburan. Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, lihat Jadual Program TV di Malaysia, "Seminggu Menurut Fungsi Program Hiburan, Informasi dan Pendidikan". Program Hiburan, TV1 67%, TV2 46%, TV3 51%. Jumlahnya 164.

Informasi, termasuk Warta Berita, TV1 47%, TV2 34%, TV3 37%. Jumlahnya 118%.

Adapun program pendidikan, TV1 27%, TV2 5% dan TV3 2%. Jumlahnya 34%.

Ruangan agama yang diadakan di dalam waktu yang singkat tidak dapat menghakis pengaruh program-program yang berunsur maksiat sama sepertilah kita memandikan seorang dengan air yang suci, kemudian kita mencurahkan pula ke atasnya najis.

Pada suatu masa dahulu ibubapa boleh membentuk perlakuan ataupun kelakuan anak-anak dengan membaca dan berbincang dengannya mengenai perkara-perkara yang boleh didedahkan kepada mereka. Tetapi sekarang ibubapa bergelut dengan berbagai jenis kesibukan, akibatnya ibubapa atau keluarga bukan lagi pengaruh formatif yang kuat terhadap anak-anak. TV sekarang mengambil peranan yang amat ketara ke arah mewarnakan anak-anak kita.

Berbalik kepada polemik yang semakin meruncing, dengan lahirnya hasrat melalui Wawasan 2020, kita seolah-olah dipertanggungjawabkan untuk meredakan keghairahan RTM dan TV3 di dalam mengejar keuntungan, lalu mengeneipikan batas-batas moral dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak rela melihat generasi akan datang akan kehilangan produktif dari segi mental dan fizikal, anak-anak dan remaja kita seolah-olah terikat dengan program-program TV malah dipercayai juga mereka lambat bertindak akibat kerana terlalu menonton TV. Ada pula kanak-kanak yang bertindak terlalu cepat, pantas, tanpa berfikir akibat daripada menonton aksi-aksi ganas di TV, demikian pendapat setengah ahli-ahli psikologi. Kanak-kanak di negara kita

sekarang banyak dibentuk oleh TV. Selaras dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Penerangan, program RTM berasaskan dua perkara—cerdas dan cergas. Di-harapkan dalam masa yang dekat ini akan diadakan perubahan yang dinamik ke arah melahirkan generasi Wawasan 2020 melalui program-program TV. Dan apa yang lebih utama ialah pengisian rohani kepada semua yang terlibat sama ada pengarah, penerbit, pelakon sehinggalah penonton-penonton dan jangan dilupakan pula saya kira Kem Bina Semangat bisa digunakan untuk latihan tersebut.

Dasar-dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang dilaungkan selama ini sebenarnya tiada batasan dalam mengajar kebaikan. Semua agama menyaranakan kebaikan dan semua manusia mahukan kepada kebaikan. Hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang atau, dengan izin, caring society memerlukan satu bentuk program yang dapat men-terjemahkan kepada masyarakat ke arah pengamalan nilai-nilai murni. Apakah hasrat yang murni dapat dicapai sekiranya program-program TV dipenuhi dengan program hiburan dan maksiat, jangan kita impikan sebuah masyarakat penyayang dapat dibentuk jika program-program ke arah itu kita abaikan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang seterusnya berhubung dengan gejala-gejala 'rock' yang semakin meluas dalam masyarakat kita. TV seharusnya dipertanggungjawabkan kerana memberi saham ke arah memperkembangkan idealisme ini di negara kita terutama di kalangan muda-mudi. Teringat saya dengan satu komen yang dibuat oleh seorang warganegara Amerika dalam satu forum yang diadakan di Kuala Lumpur pada beberapa bulan yang lalu, dia berkata; "Alangkah baiknya jika muzik 'rock' tidak diimport ke negara ini kerana

Malaysia masih dara," katanya. Salah satu wabak yang melanda rakyat Amerika sekarang, terutama di kalangan muda-mudi ialah muzik rock. Dengan itu Kerajaan perlulah meneliti muzik-muzik rock, apakah ia boleh membantu kita ke arah tercapainya Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seorang penyelidik yang bernama Jerry berbangsa Amerika ada menulis dalam bukunya yang berjudul 'Do It' menyebut rock & roll adalah memadai bermulanya satu revolusi. Seterusnya beliau berkata; "Satu kerakusan hiburan haiwan rentak rock memancarkan dalam diri kita, irama yang mendorong membangkitkan emosi yang terpendam, kita telah meleburkan muda-mudi kita ke arah seks, dadah dan memberontak dan pengkhianat. Itulah satu gabungan yang sukar dikalahkan." Rock yang berlindung di bawah payung, the new morality, dengan izin, yang menggalakkan kebebasan seks dan moral, sebenarnya ia bukan baru dan bermoral.

Sebenarnya ia satu istilah yang bermaksud memberi lesen kepada kebebasan seks, menentang kekuasaan golongan majoriti yang terlalu bertolak ansur dan membisu. Ingatlah kesan daripada itu, akan mempengaruhi struktur asas keluarga dan nilai-nilainya. Penganjur tempatan bagi the new morality, tidak sedar tentang matlamat jangka panjang mereka. Satu kajian telahpun dilakukan di negara barat, objektif di belakang rock ialah meruntuhkan struktur masyarakat yang ada, menghapuskan institusi agama dan kepercayaan, mewujudkan keadaan anarchy dan ketakutan juga melemahkan struktur keluarga. Aristotle pernah berkata berbagai-bagai emosi boleh dihasilkan dengan melodi dan irama dan muzik boleh membentuk perangai seseorang individu. Pujangga Islam Ibnu Sina, ahli falsafah Islami,

menggunakan muzik untuk menyembuhkan penyakit seseorang. P. Ramlee ada berkata, irama dan lagu tidak dapat dipisah-pisahkan.

Tuan Yang di-Pertua, muzik juga telah digunakan oleh kuasa-kuasa wang untuk mengindoktrinasikan kaum muda-mudi di abad ini. Penyelidik barat telah mendapati empat unsur asas bagi muzik rock terhadap muda-mudi iaitu seks, dadah, kebebasan dan syaitan. Muzik rock adalah seks, anda perlu memukul di muka mereka dengannya. Satu laporan daripada United Nations, dengan izin, ada menyatakan penggunaan dadah adalah sebahagian daripada hakikat daripada muzik rock itu. Apabila kita menonton muzik rock, kita akan lihat kadang-kadang dia menentengkan diri di atas pentas, memegang gitar di atas perutnya, menyerupai zakar yang tegap dan mengepam-pamkan semasa dia telentang. Selepas itu menggenggamkan gitarnya, memainkan dia di belakangnya, kemudian menyorongi ke hadapan melalui kelengkang kakinya sambil memetik-metik gitarnya dengan galak, seterusnya menyorongnya dari celah-celah pahanya seolah-olah alat itu keluar daripada zip seluarnya. Sama ada yang lelaki dan perempuan, demikianlah gayanya.

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, satu makalah yang dicetak oleh Jabatan Kesihatan Pendidikan dan Kebajikan Amerika Syarikat melaporkan scenario rock dipengaruhi oleh nilai-nilai dan amalan-amalan kebudayaan dadah, muda-mudi selalunya bangga apabila mengenali bintang-bintang rock dan ramai yang mengikuti cara hidup mereka apabila artis kesukaan ramai telah ditangkap kerana dadah. Ada di antara media massa dan radio muzik rock memberi gambaran yang ber-simpati, itulah di antaranya beberapa unsur negatif terhadap muzik rock.

Oleh itu saya mencadangkan agar Kerajaan segera mungkin dapat mengambil langkah-langkah yang positif ke arah mencegah kerana mencegah itu adalah lebih baik daripada mengubati supaya generasi yang sedang membangun menurut ala Malaysia, tidak akan terpedaya dan disesatkan dengan aktiviti-aktiviti yang merosakkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang seterusnya yang ingin saya sebut ialah persoalan FELDA. Saya mengalu-alukan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan seramai 880,000 orang yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$2.9 bilion. Dan juga saya mengalu-alukan penswastaaan FELDA yang merupakan satu projek yang dianggap berjaya dan telah mendapat pujian daripada dunia luar walaupun kadang-kadang penerokanya hanya dapat menerima upahan sebanyak \$30 sahaja sebulan.

Langkah penswastaannya amat tepat pada masanya. Semoga FELDA akan mampu memberi kebaikan kepada peneroka dan para pekerjanya yang jumlahnya tidak sedikit itu, tetapi malang dan menyedihkan hati, di sebaik berita-berita gembira, berita baik, terserlah berita-berita sumbang yang boleh menjejaskan nama baik Kerajaan, disebabkan nila setitik, habis rosak susu sebelanga, kata orang tua-tua kita. Betapa tidak, sebuah agensi yang kita sama-sama memberi harapan melangit, sekarang sedang berusaha untuk membuang kakitangannya dengan berbagai-bagai alasan. Saya difahamkan sehingga setakat ini 21 orang pegawai kumpulan B dan A telah menerima surat menyatakan sebab, terdapat 60 orang lagi akan menerima surat yang sama.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, FELDA juga akan menamatkan 500 orang kakitangannya, iaitu 8% dari

jumlah keseluruhan kakitangannya sejumlah lebih kurang 8,000 orang itu. Tindakan ini akan melibatkan semua kumpulan A, B, C dan D. Barangkali inilah masyarakat penyayang atau masyarakat "mampan" yang dimaksudkan oleh Belanjawan tahun ini dan tahun lalu.

Saya juga difahamkan bahawa salah sebuah perbadanan FELDA, iaitu Perbadanan Tapis FELDA atau FELDA Tapis telah mengalami kerugian berjuta-juta ringgit. Hal yang sama berlaku juga kepada Perbadanan Isi Sawit FELDA yang mengalami kerugian di antara \$2 juta hingga \$3 juta pada setiap tahun. Maka barangkali inilah yang menyebabkan FELDA mahu diswastakan dalam module corporation, sebagaimana yang dikemukakan dan telah diluluskan dalam Parlimen yang mulia ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan agama. Yang mendukacitakan saya ialah didapati juga di mana pihak pentadbir FELDA hari ini telah melarang kakitangannya memakai kopiah atau songkok, walaupun terhadap yang telah menunaikan haji. Terdapat juga pegawai-pegawai bawahan yang ditukar semata-mata berhubung dengan persoalan yang sekerdil itu. Barangkali pentadbiran FELDA itu baru pulang dari kursus berkualiti agaknya. Kalau orang Sikh yang bekerja di bawahnya barangkali akan di perintahkan memilih di antara terus bekerja atau menanggalkan serban di atas kepalanya. Di samping itu, pentadbir FELDA juga tidak menggalakkan kakitangan bawahannya memberi salam kepada pegawai-pegawai atasannya. Persoalannya, kenapakah semasa transisi ini hal seperti ini berlaku? Kepada Kementerian yang berkenaan saya mohon penjelasan dan jawapan di atas apa yang telah saya bangkitkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga tidak lupa saya menyampaikan alu-aluan di atas layanan dan sikap Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu dikunjungi oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Kelantan tempoh hari di mana dalam perjumpaan yang bermakna itu Dato' Seri telah memberi pengakuan agar masing-masing pihak tidak ada politicking dalam melaksanakan pembangunan di Kelantan. Alhamdulillah, di mana dalam perjumpaan itu pengakuan Perdana Menteri itu telah dijelaskan kembali oleh Timbalan Perdana Menteri sewaktu beliau menerima kunjungan Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan pada bulan yang lalu. Hasil daripada dua perjumpaan itu, alhamdulillah, hasil yang positif nampaknya telah mula terserlah di mana dalam ucapan Timbalan Perdana Menteri sewaktu merasmikan Persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO kelmarin, di antara lain ada menyebut, "sudah sampai masanya industri perkilangan diperluaskan dengan beberapa tambahan, beberapa corridor baru, iaitu corridor timur dari Kota Bharu sampai ke Johor". Seterusnya dalam ucapannya, beliau menyebut, "mereka juga mesti diberi peluang meningkatkan ekonomi dalam industri perkilangan. Untuk mencapai tujuan itu, infrastruktur akan dipertingkatkan". Di samping itu, Timbalan Perdana Menteri juga berkata, "Kerajaan Pusat tidak akan menyekat sekiranya ada pelabur-pelabur yang akan melabur di Kelantan".

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita seorang yang dikenali sebagai seorang pemimpin yang sentiasa membela rakyat yang tertindas, sama ada terutama di luar negeri. Dan beliau pernah mengecam negara-negara yang mengamalkan dasar demokrasi tetapi menggunakan demokrasi untuk menindas terhadap

golongan yang lemah, saya bersetuju. Saya percaya dan yakin orang yang sama sudah pasti tidak bersedia melihat penindasan dan penekanan terhadap orang-orang lain atau negeri lain berlaku di hadapan matanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan kenapakah peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan telah dilambatkan ke Kelantan. Setengah-setengah projek yang telah diluluskan tempoh hari telah dibekukan. Apakah salah dan berdosanya rakyat negeri Kelantan yang telah diberi mandat oleh rakyat itu, di manakah kekuasaan yang diperolehi oleh kami adalah kekuasaan yang berdasarkan lunas-lunas yang dibenarkan oleh Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut pendapat saya penekanan terhadap rakyat negeri Kelantan merupakan satu kezaliman, seperti kata pepatah Melayu: meludah ke langit akhirnya ludahnya itu akan terkena mukanya sendiri. Kalaulah UMNO mendabik dada bahawa UMNOlah satu-satunya parti yang memperjuangkan Melayu, maka alhamdulillah, Kelantan merupakan satu-satunya negeri Melayu di negara kita ini yang unik. 95% rakyatnya terdiri daripada orang-orang Melayu. Tanah, ladang, bangunan, hartabenda, kebanyakannya dimiliki oleh orang-orang Melayu. Janganlah bakat yang ada itu kita rosak dan hancurkan kerana kehancurannya itu bermakna kehancuran seluruh sendi-sendi kekuatan Melayu di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kelantan ibarat tanah yang subur untuk diimplementasikan cita-cita Kerajaan yang ada pada hari ini. Kalau sudah perahu dimiliki, kalau sudah pengayuh di tangan, apa yang perlu ditunggu lagi. Jangan kerana tidak uhu menari mengatakan tanah tinggi rendah. Jika itulah sikapnya, bennakna kita belum mempunyai pemikiran yang rasional.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri dalam ucapannya pada hari ini—saya mengikuti melalui televisyen. Di antara ucapan Perdana Menteri mengenai Islam dan kemajuan dunia yang harus dicapai oleh umat Islam. Kalau bercakap mengenai Penerapan Nilai-nilai Islam, sebagaimana yang pernah dilaungkan juga oleh Perdana Menteri kita sebelumnya, maka Kelantanlah yang menjadi modelnya, kerana Kelantan setakat ini dengan kepimpinan dan negerinya telah berusaha sedaya-upaya untuk melaksanakan Islam, di mana kepimpinan Kelantan di bawah peminipin hari ini telah berjaya melaksanakan sebahagian daripada tuntutan Islam, jauh melampaui daripada apa yang dapat dilaksanakan oleh Kerajaan yang bercita-cita untuk menerapkan nilai-nilai Islam. Di atas dasar ukhwh Islamiah inilah, Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar datang menziarahi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tempoh hari. Islam tidak mengajar umatnya menolak kepada pembangunan, tetapi Islam mengajar kita untuk membangun berasaskan pembangunan menurut tatacara Islam. Konsep pembangunan Islam berbeza dengan konsep pembangunan sekular. Konsep pembangunan Islam berbeza daripada konsep pembangunan Firaun dan Namrud. Konsep pembangunan Islam mencakupi pembangunan rohani dan jasmani, material dan spiritual.

Tuan Yang di-Pertua, dan seterusnya memantapkan lagi ketamadunan manusia sejagat ini sebagaimana disebut oleh Ibnu Khaldun dalam kitabnya yang berjudul Mukadimah:

"Jika tidak disebabkan penterjemahan ahli falsafah Islam terhadap buku-buku daripada ahli falsafah Yunani, Rome dan Greece, sudah pasti dunia hari ini berada di dalam keadaan primitif."

Tuan Yang di-Pertua, melalui Kerajaan Sepanyollah dieksportkan tamadun Islam ke negeri-negeri Barat. Dengan ilmu itulah Barat telah maju. Dari Baratlah mengalirnya pula ke Timur Jauh dan insya Allah dengan kesedaran Islam yang bertambah meningkat sekarang, Islam dan ajarannya benar-benar akan dapat dikembalikan pula kepada pangkuan ummahnya insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada Kerajaan agar dapat menimbang kembali penubuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di Kelantan, kerana dengan wujudnya Jabatan seperti itu bererti Kelantan ada dua Kerajaan; satu Kerajaan yang sah dan kedua Kerajaan yang didakwa sah, pada hakikatnya tidak sah dan amat membazirkan dari segi kewangan dan terlalu tidak efficient.

Tuan Yang di-Pertua, menurut pepatah Jepun yang bererti:

“Sebelum kita mengharapkan kebaikan daripada orang lain, buktikanlah bahawa kita adalah benar-benar baik.”

Semoga hubungan Pusat dengan Kelantan akan bertambah baik, tidak ada politicking dalam memberi projek. Semoga perubahan total akan berlaku dan dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagaimana yang telah dijanjikan pada beberapa hari yang lepas.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Lumut.**

4.32 *ptg.*

**Datin Ling Chooi Sieng (Lumut):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam

perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1992. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh tentang Dasar Tanah Negara di mana saya berpendapat satu dasar yang jelas diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai sesuatu Majlis Tanah Negara dan kita juga mempunyai Kanun Tanah Negara. Sedikit sebanyak kita mempunyai satu dasar tanah yang liberal. Baru-baru ini kita telah mengetepikan segala keraguan yang timbul berkenaan dengan pemilihan tanah oleh orang asing. Semua orang asing boleh memiliki tanah dalam negara ini. Hak pemilikan mereka adalah dilindungi. Perlindungan yang sama juga diberi kepada warganegara kita. Rasional ini adalah untuk menarik pelaburan asing ke negara kita dan mereka ini yang membeli tanah di negara kita harus membayar taksiran dan nilai cukai sama seperti warganegara kita. Mereka tidak boleh mengambil tanah tersebut begitu sahaja daripada kita.

Dasar yang liberal ini adalah satu dasar yang positif. Apa yang perlu kita buat ialah membendung spekulasi atau manipulasi terhadap harga tanah. Bank Negara adalah lebih maklum tentang perkara ini dan ia sepatutnya tahu apakah yang harus diperbuat. Dasar tanah tidak perlu diubah hanya disebabkan oleh adanya spekulasi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mempunyai satu dasar tanah yang selaras di seluruh Persekutuan, tiaptiap negeri cuba meletakkan syarat-syarat dan memberi interpretasi yang berlainan kepada fasal-fasal yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara dan ini sudah tentunya mengelirukan. Saya tahu ada negeri yang menggunakan peruntukan tanah ladang atau estate land, dengan izin, yang terdapat dalam kanun Tanah Negara untuk menolak kelulusan

permohonan untuk memindahmilik tanah di atas alasan lain daripada yang dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara. Tujuannya adalah hanya untuk memberi sesuatu pesanan bahawa pihak berkuasa Negeri mempunyai kuasa-kuasa untuk meluluskan atau menolak pindahmilik tanah. Keadaan menjadi lebih rumit apabila berbagai-bagai kenyataan dikeluarkan berkenaan dengan pemilikan oleh orang asing menjadikan keadaan bertambah mengelirukan sehingga tiada pengunjunya.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah mempunyai satu dasar yang jelas walau apa sekalipun dasar tersebut. Sekiranya kita membuat keputusan di mana orang asing tidak dibenarkan membeli hartanah kecuali dengan kebenaran, undang-undang mestilah jelas mengenainya. Jika kita membuat keputusan bahawa tiada orang asing dibenarkan membeli tanah pertanian seumpamanya, kita mestilah meng-huralkannya dengan jelas dan tepat. Dasar yang dibuat hendaklah jelas dan selaras. Kita tidak boleh ada satu dasar untuk Melaka dan dasar lain untuk Selangor. Ini akan mengakibatkan.....

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kota Bharu bangun.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila bilang. Bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira lebih 26 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukup bilang. Lumut, sila teruskan.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti ini akan mengakibatkan kekeliruan dan kucar-kacir.

#### **Masalah setinggan.**

Saya sedar bahawa kita tidak mempunyai dasar perumahan negara yang baik di mana setiap warganegara boleh membeli rumah yang mereka mampu membeli, tetapi setiap negeri ada mempunyai dasar yang memerlukan pemaju-pemaju perumahan membina rumah-rumah kos rendah yang dijual kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Di Johor misalnya, pemaju-pemaju perumahan dikehendaki membina 40% daripada pembangunan tanah untuk dijual sebagai rumah kos rendah. Terdapat banyak rumah-rumah kos rendah di Johor di mana pembeli dapat membuat pilihan sebelum membelinya. Tidak wujud lagi pun barisan-barisan panjang atau undian perlu dibuat untuk mendapat rumah kos rendah, kecuali pilihan untuk lokasi yang baik sahaja. Oleh kerana ada banyak projek perumahan, harga rumah-rumah di dalam dan di sekitar Johor Bahru tidak tersangat mahal.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada banyak projek perumahan, setinggan menjadi satu masalah yang serius kepada negara. Satu faktor yang tidak dapat dipertikaikan adalah hukan semua setinggan adalah dianggap sebagai homeless, dengan izin, sebagai tidak mempunyai rumah. Sebenarnya ramai di antara mereka yang menjadi setinggan hanya untuk mendapat keuntungan dengan pertolongan satu badan yang dikenali sebagai slumlords, dengan izin, iaitu kumpulan yang ingin memiliki sesuatu

tanah yang ada potensi untuk pembangunan dan kemudian membina pondok-pondok papan dan menjual kepada mereka yang kononnya digelar setinggan dengan harga \$10,000 sehingga \$20,000 yang mana harganya adalah lebih tinggi daripada harga rumah kos rendah.

Memandangkan bahawa pembeli-pembeli tidak dapat meminjam daripada bank-bank, pembeli-pembeli yang kononnya dipanggil setinggan ini adalah lebih kaya daripada mereka yang membeli rumah kos rendah. Mereka berpindah berkumpulan dan menambah rumah setinggan mereka tanpa pelan dan kebenaran. Kemudian mereka akan menubuhkan cawangan politik di atas tanah tersebut dan meminta Yang Berhormat kawasan tersebut untuk memohon kemudahan air dan elektrik dan nombor rumah daripada pihak Berkuasa Tempatan. Lama kelamaan mereka dapat kesejarafan.

Kemudian, sekiranya pihak Kerajaan atau pemaju ingin membangunkan kawasan tersebut, mereka terpaksa berdepan dengan tuntutan yang melampau dari setinggan-setinggan tersebut. Rundingan untuk gantirugi mengambil masa yang agak lama dan ada kalanya ia mengakibatkan konflik yang memerlukan kawalan keselamatan yang ketat. Sekurang-kurangnya seorang telah mati di dalam konflik yang berlaku di Pulau Pinang.

Kita semua tahu bahawa adalah mudah untuk menjaga rumah kita tetapi adalah sangat sukar menjaga sekeping tanah. Sekiranya kita terus mengbormati kemurnian pemilikan, kita mesti tidak membenarkan kejadian rompakan di siang hari (daylight robbery) berterusan tanpa apa-apa kawalan. Sesiapa yang sengaja melanggar milikan tanah orang lain hendaklah diambil tindakan secara serius dan bersungguh-sungguh.

Tidak ada perbezaan di antara pencuri barang-barang dengan penduduk haram tanah yang dimiliki oleh orang lain. Mengapakah kita memberi pengampunan kepada penduduk haram ini? Demokrasi kita adalah demokrasi mengenai hakmilik.

Hak terhadap harta-benda mesuliah dipelihara. Sekiranya Kerajaan mahukan harta kita untuk pembangunan, Kerajaan hendaklah membayar harga pasaran bagi harta tersebut. Mengapa dibenarkan slumplords, dengan izin dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab mendapat keuntungan daripada tindak-tanduk sedemikian yang bertentangan dengan prinsip hakmilik tanah yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, masa telah tiba untuk kita mengambil langkah yang berkesan untuk mengawal penduduk haram terutamanya mereka yang menjadi ketua (ring leaders). Kita hendaklah menjadikan ia sebagai satu jenayah yang serius dengan melancarkan hukuman yang berat untuk jenayah yang sedemikian rupa.

Orang-orang politik tidak sepatutnya menyokong mereka. Malahan mereka terutamanya yang menjadi ketua-ketua kumpulan tersebut hendaklah dianggap sebagai orang yang memeras ugut. Hukuman penjara yang panjang hendaklah dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan tersebut. Sekiranya kita mengambil serius jenayah seperti ini, barulah kita dapat menyelesaikan masalah sosio-ekonomi orang-orang yang benar-benar tidak mempunyai rumah.

Dalam lain perkataan, sekiranya kita menyingkir keluar orang yang bermuka-muka ini, maka orang yang benar-benar menjadi mangsa boleh ditolong oleh Kerajaan. Sekarang ramai di antara mangsa-mangsa adalah mangsa kepada orang-orang yang tidak

bertanggungjawab ini atau slumplords, dengan menyalakan kepada mereka bahawa dengan menduduki tanah secara haram, mereka akan mendapat pampasan yang lumayan dan rumah-rumah percuma.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang Kawalan Sewa Premis atau (Rent Controlled Premises), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, penyewa-penyewa di bawah kawalan Sewa Premis iaitu premis yang dibina dan disiapkan sebelum tahun 1948 adalah dilindungi oleh undang-undang di bawah Akta Kawalan Sewa Premis. Tuan tanah yang terdiri daripada sekumpulan kecil generasi kedua warganegara senior telah banyak mengalami kesulitan disebabkan kutipan bayaran sewa yang rendah bagi hartanah berharga. Kumpulan tuan tanah tersebut bukanlah merupakan satu kuasa politik yang kuat jika dibandingkan dengan penyewa utama, penyewa kecil dan penghuni di premis tersebut. Oleh itu, mereka tidak dipedulikan oleh ahli-ahli politik yang suka memberi keutamaan kepada kebanyakan penyewa-penyewa utama, penyewa-penyewa kecil dan penghuni tersebut yang telah mendapat keuntungan daripada kadar sewa rendah yang dikenakan untuk tempoh yang lama.

Saya berani menyatakan tanpa disangkal bahawa hampir kesemua penyewa utama iaitu chief tenant, dengan izin, telah menyewakan premis kepada penyewa kecil pada kadar yang jauh melebihi kadar 110% yang ditetapkan oleh undang-undang. Disebabkan oleh Akta Kawalan Sewa Premis ini, pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri dan Majlis-majlis Perbandaran tidak dapat cukai pendapatan dan cukai harta yang sepatutnya. Pembangunan yang seharusnya dijalankan oleh pihak tertentu iaitu tuan tanah dan pemaju tergendala selama beberapa tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Sewa Premis sedikit sebanyak menghalang pembangunan tersebut. Tanpa Akta itu pastinya bandar-bandar kita akan bertukar atau berubah bentuknya kepada bandar-bandar yang sesungguhnya moden pada awal-awalnya. Pihak yang mendapat faedah dari Akta ini adalah penyewa utama premis tersebut. Bagi pihak penyewa kecil pula, kadar yang dibayar oleh mereka adalah mengikut harga pasaran. Ada kalanya pula mereka tidak melaporkan kadar sewa sebenar yang telah dikenakan ke atas mereka. Tambahan pula selalu terjadi di mana mereka terpaksa membayar duit kopi atau duit teh. Adalah biasa bagi penyewa utama menyerahkan premisesnya pada kadar yang setanding dengan harga premis itu. Perbuatan seperti ini tidak seharusnya dibiarkan berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengetahui apakah yang menghalang pemansuhan Akta ini? Saya telah difahamkan bahawa terdapat kekeliruan dalam hal memberi pampasan kepada pihak tertentu. Bagi saya perkara ini amat menghairankan.

Sekiranya benar ada wujud isu mengenai pampasan, tuan tanahlah yang sepatutnya mencriama pampasan dari penyewa utama dan bukan sebaliknya. Apa yang seharusnya dilakukan oleh Kerajaan ialah memansuhkan Akta tersebut dan membenarkan tuan tanah berunding sendiri dengan penyewa kecil premis. Kebanyakan penghuni premis tersebut adalah penyewa kecil. Bagi menetapkan kadar sewa yang munasabah mengikut harga pasaran, kerumitan boleh dielak dan diselesaikan mengikut keadaan setiap kes yang sudah tentunya berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, satu topik yang menjadi hot topic baru-baru ini adalah Majlis Peguam. Saya ingin

menyentuh tentang Majlis Peguam dan Sistem Kehakiman di negara kita. Di masa kini terdapat berbagai spekulasi mengenai penubuhan Majlis Peguam yang baru. Majlis Peguam ditubuhkan di bawah Akta Profesion Undang-undang dan ianya mempunyai beberapa fungsi penting terutama sekali mengawasi disiplin pengamal bidang undang-undang. Perselisihan di antara Majlis Peguam dan Ketua Hakim bermula dengan perlucutan jawatan Tun Salleh Abas. Majlis Peguam telah mengambil pendirian bahawa perlucutan tersebut tidak dilakukan dengan sempurna. Justeru itu, mereka membuat satu resolusi yang menyatakan mereka tidak mempunyai kepercayaan terhadap Tun Hamid. Sebagai seorang Peguam, saya merasa bahawa kesan resolusi itu membawa makna bahawa mereka juga tidak mempunyai kepercayaan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang melantik Tun Hamid sebagai Lord President. Jika demikian, semua Peguam tidak perlu practise, dengan izin, di dalam profesion mereka memandangkan Duli Yang Maha Mulia adalah "Fountain of Justice", dengan izin.

Tibalah masanya Majlis Peguam memeriksa diri dan mengenenipkan perasaan perseorangan. Mereka seharusnya berganding bahu dengan pihak penghakiman dalam mengekalkan pentadbiran keadilan di negara kita. Saya menyeru ahli Bar Council itu janganlah mempunyai sikap "tidak apa" dan membenarkan segelintir ahli-ahli, dengan izin, belligerent members yang begitu berperang untuk mendalihkan Majlis Peguam. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "the time has come for those who run the Bar Council to take stock and not to be intransigent. Members of the Bar Council should not be indifferent and allow small belligerent members to run the show".

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu, saya telah menghadiri satu Mesyuarat Peguam Antarabangsa di Buenos Aires, Argentina yang disertai oleh lebih kurang seribu peserta. Presiden Majlis Peguam Antarabangsa (International Bar Association) itu, tanpa memeriksa benar atau tidak kenyataannya telah memberitahu peserta-peserta bahawa Tun Salleh telah dipecat oleh Perdana Menteri Malaysia. Beliau menyifatkan peristiwa ini sebagai tanda berakhirnya kedaulatan sistem kehakiman di Malaysia. Beliau memanggilnya, dengan izin, "a dark day for independence of the Judiciary". Rakan saya juga seorang peguam dari Malaysia telah menulis sepucuk surat dengan panjang lebar kepada Buenos Aires Herald, menyangkal tuduhan itu dengan memberi gambaran yang benar. Majlis Peguam seharusnya berjaga-jaga supaya pihak asing tidak membuat kenyataan yang palsu yang menyentuh perihal negara kita. Berdiam diri sahaja adalah sesuatu tindakan yang tidak bertanggungjawab.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap! Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat sama ada apa yang telah dijelaskan itu juga merupakan satu bukti bahawa Majlis Peguam di negara kita memang benar telah menyebarkan fitnah sebagaimana yang dijelaskan oleh Perdana Menteri kita.

**Datin Ling Chooi Seng:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya yang saya ingin menyentuh tentang hal ini untuk memberi satu bukti yang menunjukkan Majlis Peguam ini telah membuat fitnah, apa yang tidak benar mengenai kehakiman di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan. Saya amat menyokong penggunaan Bahasa Melayu di dalam sistem keadilan. Penggunaan Bahasa Melayu kadang digunakan dengan secara meluas terutamanya di Mahkamah Rendah. Walau bagaimanapun, saya merasa belum tiba masanya untuk kita menggunakan Bahasa Melayu dengan sepenuhnya di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung. Ini memandangkan kebanyakan daripada peguam-peguam senior masih belum fasih dalam menggunakan Bahasa Melayu. Mereka mungkin menghadapi kesulitan dalam mengendalikan kes-kes mereka dan ia mungkin mengakibatkan kecacatan dalam keadilan yang harus ditegakkan. Saya berharap Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar dapat membenarkan Hakim-hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung supaya flexible dalam penggunaan Bahasa Melayu oleh peguam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang assignment of cases, dengan izin, menyerahkan kes-kes jenayah. Kebanyakan yang dituduh dengan kesalahan jenayah dan menghadapi hukuman mati tidak mampu membayar perkhidmatan peguam. Lazimnya, seseorang peguam ditugaskan untuk membela mereka, tetapi pada masa sekarang tidak ada satu amalan yang tetap. Bagaimana dan kepada siapa kes-kes tersebut diserahkan? Kadangkala Peguam Kanan di dalam bidang pindah hak (corporate) ditugaskan supaya membela yang dituduh terbabit dengan kesalahan pengedaran dadah atau pembunuhan. Saya sendiri memang faham kesulitan dan kesusahan yang dialami oleh peguam-peguam ini. Mereka mungkin tidak pernah menyentuh lagi Kanun Prosedur Jenayah (Criminal Procedure Code) sejak mereka meninggalkan universiti.

Bagaimanakah mereka sanggup membela seorang yang dituduh dengan sesuatu kesalahan di mana hukumannya adalah hukuman mati? Kadangkala Hakim menyedari kesulitan yang dialami oleh mereka dan mengecualikan mereka. Akan tetapi ada juga Hakim yang tidak mempedulikan sesiapa yang ditugaskan dan mendesak supaya pembicaraan diteruskan.

Sekiranya seorang peguam yang ditugaskan itu tidak mampu menjalankan pembicaraan, apakah seharusnya dibuat? Sekiranya beliau tidak hadir di mahkamah, mungkin Hakim akan melaporkan tindak-lakunya kepada Majlis Peguam dan akan menghadapi tindakan tatatertib dan sekiranya beliau terus menjalankan kes itu, orang yang dituduh mungkin dikenakan hukuman mati kerana kekurangan kecekapannya. Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan suatu penal yang mengandungi peguam-peguam yang mengamalkan persoalan Undang-undang Jenayah di seluruh negara ditubuhkan dan kes-kes jenayah yang membawa hukuman mati diserahkan kepada mereka sahaja.

Yuran yang dibayar kepada mereka juga terpaksa dinaikkan. Yuran tambahan ini terpaksa dibayar oleh Majlis Peguam dan Majlis Peguam seharusnya mengenakan sesuatu pembayaran daripada ahli-ahlinya yang tidak mahu atau sanggup menjalankan tugas-tugas sedemikian. Mana-mana peguam yang tidak mahu menjadi ahli di bawah panel tersebut juga dipaksa untuk membayar sesuatu yuran sebelum dapat dikecualikan. Dengan ini orang yang dituduh bolehlah mendapat sesuatu pembicaraan yang adil. Peguam yang ditugaskan membelanya juga boleh mendapat sesuatu yuran yang munasabah. Peguam-peguam yang dikecualikan daripada menjalankan tugas ini juga dapat dibebaskan dari apa-apa penderitaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang AIDS—A.I.D.S. Penyakit yang membawa maut ini menakutkan manusia seluruh dunia. Ia bermula sebagai suatu penyakit yang tersebar melalui hubungan seks tetapi nampaknya ia dapat disebar melalui darah tanpa hubungan seks. Saya diberitahu sekarang bahawa kaum lelaki tidak berani untuk bercukur di kedai gunting kerana mereka takut bahawa pencukuran yang dicemarkan oleh virus AIDS atau HIV. Keadaan ini telah memasuki fasa yang mencemaskan. Kementerian Kesihatan seharusnya mengadakan satu-satu polisi yang jelas mengenai pengesanan dan pencegahan AIDS memandangkan bahawa pada masa ini masih belum ada ubat untuk mengatasi penyakit yang membawa maut ini.

Suatu ujian AIDS mestilah dikenakan ke atas semua penderma darah di Bank Simpanan Darah kita. Di hospital-hospital semua langkah berjaga-jaga yang perlu mesti diambil. Contohnya, kesemua kakitangan mesti diwajibkan untuk memakai sarung tangan getah kerana tugas mereka memerlukan mereka untuk menyentuh darah. Senarai lengkap berjaga-jaga adalah panjang lebar dan saya cadangkan bahawa suatu jabatan khas di dalam Kementerian Kesihatan ditubuhkan. Kakitangan-kakitangan jabatan khas ini boleh dihantar ke luar negeri untuk latihan bagaimana boleh mencegah tersebar penyakit yang membawa maut ini.

Undang-undang mestilah diluluskan dengan cepatnya untuk menjadikan sesuatu jenayah akibat daripada kegagalan pesakit melaporkan kepada pihak berkuasa mengenai penyakit AIDSnya atau dengan sengaja menyibar penyakit itu. Saya pernah baca dalam sebuah akhbar Cina bahawa seorang perempuan mangsa AIDS di Ipoh telah mengugut untuk menjangkitkan penyakit itu kepada

seberapa ramai orang yang dia boleh sebagai satu cara untuk membalas dendam. Beliau sepatutnya ditangkap dengan segera dan dikurungkan. Sekiranya perempuan tersebut dibenarkan bebas ke mana-mana, ia adalah serupa dengan menyebarkan radioaktif di sekeliling kita dan akibatnya ramai orang yang tidak berdosa akan menjadi mangsa akibat daripada perbuatan maksiat ini.

Di bawah Kementerian Kewangan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan dua perkara. Pertama, polisi percukaian.

Saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa kita perlu ada satu polisi percukaian yang positif dan progresif iaitu cukai penggunaan (consumption tax) melainkan barang-barang keperluan. Satu perkara yang amat menggalakkan ialah pengurangan lagi cukai pendapatan bagi syarikat, sementara cukai ke atas minuman keras dan tembakau dinaikkan.

Sudah tiba masanya bagi kita mengenakan cukai penggunaan (consumption tax). Tujuan utama pelaksanaan cukai ini ialah untuk mengurangkan inflasi dan menggalakkan simpanan wang. Lebih tinggi kadar penggunaan bermakna lebih tinggilah kadar cukai yang dikenakan. Begitu juga apabila pendapatan seseorang itu lebih tinggi, peluang untuk berjimat adalah lebih baik. Inilah falsafah yang seharusnya diikuti.

Perkara yang kedua ialah mengenai cukai perjudian. Tindakan Kerajaan mengenakan cukai yang tinggi ke atas minuman keras dan tembakau adalah amat dialu-alukan dan dihargai. Walau bagaimanapun, saya juga dapati bahawa tiada kenaikan cukai dikenakan ke atas kegiatan perjudian. Terdapat sebilangan besar syarikat dan perbadanan tertentu mendapat keuntungan yang banyak dari kegiatan perjudian

sama ada casino, Sports Toto, 3-D dan 4-D dan lain-lain lagi. Semua ini adalah kegiatan yang mengakibatkan kecundangan dalam struktur sosial masyarakat kita. Salah satu cara untuk mengatasi kecundangan ini adalah dengan menurunkan kadar cukai ke atas kegiatan perjudian adalah tidak berapa tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai statistik untuk membuktikan kebenaran kenyataan ini tetapi saya difahamkan bahawa kegiatan perjudian secara haram adalah berleluasa. Jika dibandingkan dengan kegiatan perjudian yang dibenarkan oleh undang-undang, kegiatan perjudian secara haram berlaku dengan lebih meluas. Sekiranya benar, kita harus menubuhkan satu jawatankuasa bagi mencegah dan membasmi kegiatan perjudian secara haram. Matlamat ini bukan bertujuan sebenar-benarnya membasmi kegiatan perjudian secara haram akan tetapi merupakan satu tindakan mengelakkan kerugian dari segi pendapatan hasil Kerajaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kelakuan Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Parlimen telah mencabar Timbalan Menteri Pendidikan mengenai keputusan Kabinet tentang naik tingkatan murid-murid dari SRJK terus kepada Tingkatan 1 sekiranya mereka mencapai 4A, 2C di dalam peperiksaan mereka. Beliau juga mengatakan bahawa sekiranya tidak ada arahan atau keputusan sebegini dibuat, maka Timbalan Menteri Pendidikan itu adalah seorang pembobong dan beliau mencabar dia supaya meletak jawatan. Apabila Menteri Pendidikan kembali dari cutinya dan mengesahkan keputusan sedemikian, Ahli Parlimen itu tanpa apa-apa perusuan malu

menyatakan bahawa keputusan dan pelaksanaan adalah disebabkan oleh tekanan dari beliau.

Saya sungguh terperanjat bagai-  
dalam suratkhbar. Ini adalah satu taktik yang selalunya digunakan oleh pihak Pembangkang yang suka bermain politik mengenai isu pendidikan. Niat jahat Ahli Parlimen itu yang bertujuan untuk mengasingkan lagi perhubungan baik di antara kaum Cina dan India dengan pihak Kerajaan seharusnya didedahkan. Ini adalah perlu kerana keharmonian kaum dan kestabilan politik dapat dikembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah hilang tiga hari yang berguna di Parlimen untuk berdebat sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telah menunjukkan tanda lucah dan mengenai Usul untuk memecat Timbalan Yang di-Pertua. Dalam tempoh tiga hari itu, kita telah banyak membazirkan tenaga manusia dan wang untuk mendebatkan isu-isu yang remeh-temeh yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Pembangkang. Adalah sungguh menyedihkan sekiranya Ahli-ahli Pembangkang turun begitu rendah untuk menggunakan taktik sedemikian supaya mencapai populariti politik. Kita tentunya tidak mahu melihat Dewan yang mulia ini dijadikan sebuah gelanggang circus, dengan izin. Saya berharap agar Yang Berhormat-Yang Berhormat mempunyai sikap yang lebih berdisiplin dalam Dewan yang mulia ini pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Bharu.

5.11 ptg.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu):** Terima kasih di atas peluang mengizinkan saya turut membahaskan Belanjawan 1992. Sudah banyak pujian yang dihimpunkan di atas Belanjawan 1992. Saya sendiri mengakui dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas beberapa perkara yang menunjukkan kepekaan beliau terhadap keperluan rakyat. Ini termasuk tambahan perlepasan cukai untuk anak-anak cacat, pengecualian cukai harta pesaka, pertambahan peruntukan kepada negeri-negeri dan kenaikan cukai atas rokok dan minuman keras. Tetapi sayangnya, tidak pula dinaikkan cukai ke atas perjudian.

Pujian-pujian itu diberikan dengan ikhlas kerana apa yang baik tidak menjadi masalah bagi kami di pihak Pembangkang untuk mengakuinya baik. Pada masa yang sama, Wakil-wakil Rakyat Pembangkang sama seperti Wakil-wakil Rakyat pemerintah atau, dengan izin, backbenchers, perlu melaksanakan amanah yang dipikul masing-masing untuk memberi teguran-teguran yang membina dan cadangan-cadangan yang bertujuan memperbetulkan apa-apa kekurangan yang telah dapat dikenalpasti, lebih-lebih lagi bagi pihak Pembangkang di mana Wakil-wakil Rakyatnya bertanggungjawab memainkan peranan sebagai pengimbang dan pengawal supaya usaha-usaha baik pihak Kerajaan dapat dipertingkatkan dan penyelewengan-penyelewengan di pihak Kerajaan, sama ada yang dilakukan dengan tidak sengaja atau sengaja dilakukan, dapat disekatkan. Ini termasuk tanggungjawab menyekat salah guna kuasa dan salah guna kewangan negara.

Di dalam sesi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Menteri-menteri lain kelak, adalah diharapkan mereka akan menunjukkan

pemahaman yang mantap berkaitan dengan konsep demokrasi di mana Pembangkang dikehendaki memainkan peranan sebagai pengimbang dan pengawal atau, dengan izin, checks and balances, bagi menyekat keterlaluan Kerajaan, (excesses), penyelewengan dan salah guna kuasa atau salah guna harta. Berdasarkan pemahaman itu, adalah diharapkan juga semua pihak akan sentiasa mengamal dan memelihara sikap saling menghormati antara pemerintah dan Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya ingin saya utarakan ialah rasa tidak puas dengan penghujung ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1992. Adalah nyata Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah terlanjur dengan mempolitikkan ucapan beliau yang sepatutnya mengkhususkan kepada Belanjawan sahaja. Adalah tidak wajar beliau membuat tuduhan terhadap seseorang yang tidak akan diberi peluang menjawab pada waktu itu. Beliau tentu sedar bahawa seluruh negara memfokuskan perhatian terhadap ucapan beliau. Maka adalah zalim bagi beliau mengambil peluang itu untuk menuduh seseorang yang tidak akan diberi peluang untuk membela diri melalui televisyen atau media lain.

Apakah ini keadilan yang diperjuangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sewaktu menjadi pemimpin teragung beliau iaitu Presiden Majlis Belia Malaysia? Pada waktu itu beliau mengajak beliau melaksanakan motto beliau iaitu "Belia Bertindak untuk Kebenaran dan Keadilan". Atau adakah itu keadilan yang dilaung-laungkan semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan memegang jawatan Presiden ABIM? Waktu beliau berjuang dalam bidang beliau dahulu, Yang Berhormat Menteri Kewangan terkenal dengan

sifat keberaniannya menentang kemungkar dan kezaliman. Sekarang apa sudah terjadi?

Sebelum membuat tuduhan, sudahkah Yang Berhormat Menteri Kewangan membuat kajian? Sehubungan dengan ini, suka saya membaca kenyataan akhbar Pergerakan Pemuda Semangat 46 Malaysia. Saya quote "Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah memalukan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet lain. Kenyataan ini merujuk kepada isi ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang beliau terpaksa menanggung beban hutang besar yang dibuat sebelum Yang Berhormat Ahli Parlimen Merbok menjadi Menteri Kewangan.

Sekiranya kita teliti kembali data hutang negara sejak awal tahun 70an, kita akan mendapati peningkatan hutang hanya naik secara mendadak sejak tahun 1981 iaitu sejak Perdana Menteri kini mula menjadi Perdana Menteri. Peningkatan jumlah hutang pada tahun tersebut naik sebanyak 29% iaitu daripada \$26.4 bilion dalam tahun 1980 kepada \$34.1 bilion dalam tahun 1981. Seterusnya dalam tahun 1982, jumlah hutang negara menjadi semakin besar iaitu naik kepada \$46.9 bilion, iaitu peningkatan sebanyak \$12.7 bilion atau 37% dalam masa setahun. Jumlah hutang negara ini terus meningkat hingga ke angka lebih \$100 bilion apabila Yang Berhormat Ahli Parlimen Merbok waktu itu meninggalkan portfolio Menteri Kewangan. Sebaliknya sebelum tahun 1981, peningkatan jumlah hutang negara (dalam dan luar negeri) adalah pada kadar yang rendah.

Misalnya, dalam tahun 1980 hanya 13% dan dalam tahun 1978 hanya 12%. Sehubungan dengan itu kami menganggap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan bukanlah bertujuan

memalukan Menteri Kewangan sebelum Ahli Parlimen Merbok, tetapi beliau sengaja ingin memalukan Perdana Menteri sekarang. Ini disebabkan, walaupun Ahli Parlimen Gua Musang menjadi Menteri Kewangan sejak tahun 1976 hingga 1984, rekod hutang negara sebelum tahun 1981 boleh dikatakan rendah, sebaliknya ia hanya meningkat tinggi sejak tahun 1981, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mula memegang tampuk pemerintahan negara.

Sekiranya diteliti dengan lebih terperinci, ini tidak menghairankan kerana banyak projek-projek besar yang tidak wujud dalam Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejak beliau menjadi Perdana Menteri. Ini termasuk HICOM yang menelan belanja lebih \$3 ribu juta, begitu juga projek kontrak Lebuhraya Alor Setar-Gurun, Kabel Telefon, Projek Gas Labuan, Pembangunan Pelabuhan Bintulu dan kerugian daripada operasi bijih timah MAMINCO yang kesemuanya telah menelan belanja beribu juta ringgit.

Semua ini berlaku sejak Perdana Menteri kini menjadi Perdana Menteri. Malah projek Jambatan Pulau Pinang yang ditangguhkan kerana kemelesetan ekonomi diteruskan juga oleh Perdana Menteri kita itu. Negara juga berbelanja besar untuk membina Sri Perdana yang tersergam indah itu serta tiga buah jet eksekutif Perdana Menteri.

Mungkin inilah yang mana Yang Berhormat Menteri Kewangan maksudkan perbelanjaan boros Kerajaan kerana semua orang tahu bahawa semua projek yang disebutkan di atas bukanlah projek bekas Menteri Kewangan iaitu Ahli Parlimen Gua Musang tetapi ia adalah projek Perdana

Menteri dan Menteri-menteri lain. Tugas Ahli Parlimen Gua Musang sewaktu menjadi Menteri Kewangan hanyalah mencari wang bagi membiayai semua projek-projek tadi. Kami faham bahawa sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan menyalahkan orang lain kerana beban hutang yang beliau tanggung sekarang sekiranya ia dibuat di dalam perjumpaan politik UMNO (Baru) di Melaka. Tetapi kami hairan apabila beliau menyebutnya lagi dalam ucapan Belanjawan di Parlimen kerana ucapan Belanjawan sepatutnya tidak dipolitikkan.

Kami menganggap kata-kata Menteri Kewangan itu seperti "menepuk air di dulang". Lagi kuat tepukan itu, lagi kuatlah air tadi naik ke muka sendiri, bahkan muka-muka kawan-kawannya juga turut terkena percikan air tepukan Menteri Kewangan tadi. Ertinya, ucapan itu telah memalukan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinetnya yang lain kerana merekalah yang dikatakan boros dan berbelanja besar tadi. Kenyataan itu dikeluarkan pada 4hb November, 1991. Eloklah Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa akan datang berikhtiar mendapatkan fakta sahih sebelum membuat tuduhan dan pilihlah masa yang lebih sesuai untuk membuat tuduhan supaya tidak timbul lagi kezaliman kepada sesiapa yang beliau tuduh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang ingin saya bicarakan ialah harapan agar kezaliman terhadap rakyat negeri Kelantan tidak diteruskan. Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) yang telah mewujudkan "Kerajaan dalam Kerajaan" adalah tidak wajar dan patut dimansuhkan. Semua perbelanjaan dari wang rakyat untuk membiayai JPP tidak dapat dihalalkan oleh majoriti rakyat Kelantan atau oleh rakyat Kelantan yang memilih Angkatan Perpaduan

Ummah untuk memerintah di Kelantan. Hentikanlah salahguna kuasa dan salahguna wang rakyat itu. Mansuhkanlah JPP sebelum 1992.

Sebelum Angkatan Perpaduan Ummah memerintah di Kelantan, rakyat Kelantan diberi layanan sama rata dengan rakyat negeri-negeri lain dalam Persekutuan. Apakah dosanya rakyat Kelantan sehinggakan Kerajaan Persekutuan tergamak mengabaikan tanggungjawab terhadap Kerajaan negeri Kelantan dan rakyat Kelantan dan sanggup Kerajaan Persekutuan mencemari semangat Perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri. Segeralah laksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian itu dan di bawah Perlembagaan Malaysia. Janganlah melambatkan pemberian peruntukan kewangan kepada Kerajaan Negeri dan segala kemudahan termasuk subsidi baja. Serahkanlah tunggakan subsidi baja 1991 kepada Kerajaan Negeri Kelantan sepertimana hak untuk diagih serta-merta kepada rakyat yang memerlukannya. Subsidi baja untuk tahun 1992 janganlah dipolitikkan juga. Janganlah tunggu pilihanraya kecil untuk mengagih-agihkan baja itu. Sungguh kejam, bermain politik dengan petani-petani yang tidak berdosa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat yang perlu saya sentuh ialah apakah sikap Kerajaan Pusat terhadap pembangunan. Tidakkah patut pembangunan insan dan pembangunan rakyat mengatasi pembangunan ekonomi atau fizikal atau material semata-mata? Setelah meneliti Belanjawan 1992 serta program-program pembangunannya, adalah nyata sikap songsang masih mempengaruhi pimpinan Kerajaan Pusat. Berapa banyakkah diperuntukkan untuk membina akhlak mulia di kalangan rakyat amnya dan khususnya kanak-kanak di semua peringkat dari tadika hingga ke universiti? Berapa

banyakkah yang diperuntukkan untuk membantu semua pihak—jabatan-jabatan, agensi-agensi dan badan-badan Kerajaan serta badan-badan sukarela dalam usaha memerangi unsur-unsur, gejala-gejala, aktiviti-aktiviti termasuk siaran ataupun tayangan-tayangan TV yang menyumbang ke arah keruntuhan akhlak?

Berapa banyakkah peruntukan yang telah disediakan bagi memastikan rakyat lebih bertamadun, penyayang, prihatin, bertanggungjawab dan berdisiplin pada tahun 1992 sebagai langkah menuju ke arah Wawasan 2020 supaya slogan Wawasan itu tidak kosong dan gagal sepertimana slogan-slogan Kepimpinan Melalui Teladan, Pentadbiran Cekap, Bersih dan Amanah, dan lain-lain yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Apakah Kerajaan sudah puas hati dengan sikap rakyat sekarang yang sanggup membiarkan ibubapa mereka yang sudah tua memenuhi Rumah-rumah Orang-orang Tua? Dan lebih dahsyat lagi, ada rakyat kita yang membiarkan orang-orang tuanya merayau-rayau di kakilima tanpa haluan. Baru-baru ini sebuah akhbar tempatan menyiarkan situasi orang-orang yang tiada rumah atau, dengan izin, "homeless", di Ibukota Kuala Lumpur.

Adalah dianggarkan tidak kurang dari 300 orang yang tidur di kakilima Ibukota dan tempat-tempat lain. Inikah sikap masyarakat bertamadun iaitu membiarkan mereka yang malang itu terus merana? Apakah program-program Kerajaan Pusat untuk membetulkan keadaan itu? Tidakkah patut lebih banyak peruntukan disediakan untuk memastikan orang-orang Islam mengamalkan Islam sebagai ad-din, dan memasukan juga rakyat yang beragama bukan Islam hidup mengikut agama masing-masing?

Tidakkah ini dituntut oleh Rukunegara yang mana Rukun pertama ialah Kepercayaan kepada Tuhan? Tentunya pihak Kerajaan tidak bermaksud Rukun ini tinggal di atas kertas sahaja atau hanya ingin rakyat memberi, dengan izin, "lip service".

Tambahan pula, mengikut hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Wawasan 2020 akan meletakkan kita setaraf dengan negara-negara maju. Kalaulah matlamat itu benar-benar dihasratkan, maka Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menyokong Wawasan 2020 seharusnya membuat "adjustment", dengan izin, atau penyesuaian kepada Belanjawan 1992 supaya ia benar-benar berkesan sebagai langkah ke arah matlamat itu. Belanjawan 1992 yang dikatakan menuju ke arah Wawasan itu, perlu menitikberatkan pembangunan insan dan ummah atau rakyat. Negara yang maju adalah sekaligus negara yang bertamadun, mengikut pandangan semua negara yang berdaulat dan merdeka dan berhasrat mencapai tamadun yang diiktirafkan oleh dunia. Pengukur tamaddun dan kemajuan dalam ertikata yang sebenarnya adalah terletak kepada sejauhmana sesebuah negara itu melaksanakan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Kovenan Antarabangsa Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan, Kovenan Antarabangsa Hak-hak Sivil dan Politik dan termasuk juga Protokol Pilihan kepada Kovenan Antarabangsa Hak-hak Sivil dan Politik. Berapa banyakkah peruntukan disediakan bagi Kerajaan berusaha mencapai prestasi yang memuaskan dalam perkara-perkara yang disebutkan itu?

Pencapaian penghayatan hak asasi manusia yang memuaskan di pihak Kerajaan dan rakyat tidak akan mengizinkan penggubalan undang-undang yang melanggar hak asasi manusia seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Polis, Akta Mesin

Cetak (Pindaan) dan Akta Pengambilan-balik Tanah (Pindaan) 1991 dan pasti tidak berlaku kes pemecatan Tun Salleh Abas selaku Ketua Hakim Negara yang melanggar hak asasi manusia.

Di sini ingin saya menyatakan, saya pun seorang Peguam dan saya menyokong tindakan Majlis Peguam. (Tepuk)

Jika pengukur tamadun yang diiktirafkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ditolak oleh Kerajaan sebagai pengukur, maka tamadun atau istilah negara maju hendaklah merujuk kepada kualiti hidup yang tinggi mengikut sistem nilai agama rasmi iaitu Agama Islam dan mengambil kira juga agama-agama lain rakyat Malaysia.

Pada pendapat saya, amat tidak bijak jika kita mengukur negara kita berdasarkan pengukuran KDNK atau KNK per kapita semata-mata. Lagipun KNK per kapita boleh mengelirukan keadaan sebenar, katakan negara ini mempunyai 100 orang billionaire di kalangan 18 juta rakyat termasuk 1 juta rakyat yang fakir. Mengikut formula KNK per kapita, pendapatan mereka disamaratakan, tentulah ini satu gambaran yang jauh dari kebenaran.

Oleh itu suka saya sarankan supaya pihak Kerajaan mengimbangkan Belanjawan ini antara pembangunan insan atau rakyat dengan pembangunan ekonomi, fizikal atau material. Lebih elok ikut sahaja contoh Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah Kelantan, di mana pembangunan insan dan ummah diberikan penekanan wajar secara berterusan semenjak mengambil alih pemerintahan negeri itu. Tidak kurang dari 40% peruntukan pembangunan dikhususkan untuk pembangunan membina akhlak dan mengajak pemimpin serta rakyat beragama Islam hidup secara Islam. Jika diambil kira pula peruntukan

kebajikan dan pendidikan rakyat Islam dan bukan Islam, maka pembangunan insan dan rakyat telah diberi penekanan yang mengimbangi perhatian Kerajaan Angkatan terhadap pembangunan ekonomi.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Kerajaan Negeri Kelantan tidak keberatan untuk membantu Kerajaan Pusat atau mana-mana Kerajaan Negeri yang lain dalam usaha mengimbangi antara pembangunan insan atau rakyat dengan pembangunan ekonomi. Ini tawaran terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kelima ialah lanjutan kepada perbincangan pembangunan dalam konteks Wawasan 2020, suka saya menyentuh dari segi Kerajaan prihatin dan penyayang. Peraturan inflasi yang mungkin meningkat antara 5% hingga 6% pada tahun 1992 akan membebaskan rakyat di peringkat terbawah dan sederhana. Supaya Kerajaan benar-benar prihatin dan penyayang, maka pastikan kenaikan harga tidak berlaku kepada barang-barang keperluan rakyat miskin.

Saya juga turut bimbang dengan cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada beberapa profesion dan perkhidmatan. Haruslah dimonitorkan supaya tidak menjejaskan imej pihak Kerajaan yang mahu ditonjolkan iaitu prihatin dan penyayang. Jangan lupa, rakyat Jepun telah berjaya menjatuhkan Perdana Menteri disebabkan kemarahan terhadap cukai yang membebaskan.

Masih dalam konteks membincang Kerajaan prihatin dan penyayang, saya berasa hairan mengapa Kerajaan sanggup memperuntukkan \$200 juta kepada Keretapi Tanah Melayu yang akan diserahkan kepada segelintir orang-orang berkemampuan melalui pen-swastaaan dan sebaliknya hanya

mencadangkan mcmperuntukkan \$128 juta sahaja kepada rakyat termiskin yang berjumlah—ini kira-kira sayalah—320,000 orang iaitu 40,000 isirumah x 8 orang. Jumlah \$128 juta itu.....

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh):** (Bungun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tasek Chenderoh bangun.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan, hendak beri jalan atau tidak?

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Saya ingat tidak payahlah.

**Beberapa Ahli:** Takut.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Bukan kes takut, tetapi hendak kejar masa, hendak beri peluang rakan-rakan lain berucap juga. \$128 juta itu tentulah jauh berbeza dari \$200 juta yang diberikan kepada KTM. Itukah sepatutnya sikap Kerajaan prihatin dan penyayang? Setiap keluarga akan hanya menerima \$266.66 sen sebulan jika diberi terus, tidak melalui program-program yang akhirnya memperlihatkan \$128 juta itu terpaksa melalui proses titisan disebabkan birokrasi yang mengendalikan program-program itu. Lazimnya proses titisan menyebabkan penerimaan sebenar sangat sedikit. Awasilah supaya proses titisan tidak berlaku. Dalam hal ini sukalah saya recommend kepada rakan-rakan yang ingin mengetahui berkenaan dengan proses titisan yang menelan perbelanjaan yang biasanya diperuntukkan untuk membasmi kemiskinan, silalah baca buku "Pagar Makan Padi" oleh Ozey Mehmet.

**Tuan Yang di-Pertua,** saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya peruntukan subsidi seharusnya ditingkatkan kepada angka melebihi \$1,000 juta. Sebenarnya subsidi meringankan sedikit beban rakyat miskin dan rakyat yang sederhana.

Berkaitan dengan pengambilan buruh asing, janganlah Kerajaan bersikap "kera di hutan disusukan, anak di pangkuan dibiarkan." Levi perlu ditingkatkan lagi supaya menjadi lebih menarik bagi majikan mengambil pekerja tempatan. Kerajaan perlu ambil kira buruh asing dan expatriate, dan semuanya ini akan membebankan lagi infrastruktur sosial dan kesihatan. Kerajaan yang mahu dikenali sebagai prihatin mesti berlaku adil terhadap rakyat yang bekerja sebagai buruh. Upah mereka hendaklah melebihi paras kemiskinan.

Akhir sekali, saya berharap segala teguran dan cadangan dianggap telah diberi dengan ikhlas dan oleh itu akan ditimbangkan dengan saksama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam.

5.38 ptg.

**Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak DAP, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Pak Sako iaitu Dato' Dr Ishak bin Haji Mohamed, atas kematian Allahyarham pada semalam dan tidak dipertikaikan lagi Pak Sako adalah seorang Tokoh Sasterawan terkemuka dan juga seorang pejuang negara dan beliau haruslah mendapat penghargaan oleh semua rakyat kita.

**Tuan Yang di-Pertua,** pada mulanya Belanjawan 1992 dianggap sebagai satu Belanjawan yang pahit. Apabila Belanjawan 1992 dikemukakan oleh

Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1hb November, 1991 didapati umum sebagai tidak pahit.

Memang didugakan Menteri Kewangan akan dapat kepujian daripada kebanyakan orang ramai. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam hal ini. Walau bagaimanapun, Belanjawan ini masih mempunyai tempat-tempat yang pincang. Sebagai seorang wakil rakyat Pembangkang adalah tanggungjawab saya mengutarakan tempat-tempat yang pincang itu untuk perhatian dan kajian Yang Berhormat Menteri Kewangan dan beri pertimbangan sama ada memansuhkannya pada masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya cukai perkhidmatan diperluaskan kepada bidang-bidang tertentu adalah tidak bijaksana. Saya tidak percaya bahawa cukai ini akan diserap oleh mereka sahaja dan tidak akan ditanggung oleh pengguna-pengguna. Oleh kerana itu, saya bercadang bukan sahaja cadangan perluasan skop cukai ini dimansuhkan bahkan cukai perkhidmatan ini dikurangkan peringkat demi peringkat, seperti cukai pembangunan sekiranya ia tidak dapat dimansuhkan serta-merta demi kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan ini duti import ke atas minuman keras telah dinaikkan antara 40% hingga 175%. Naiknya kenaikan duti import ini tidak patut dibangkang oleh kerana mengikut Kerajaan, ia sebagai langkah untuk tidak menggalakkan rakyat minum minuman keras. Saya bersetuju kenaikan duti import minuman keras untuk menambah pendapatan khazanah negara, namun demikian saya bercadang kadar kenaikan duti import ini diselaraskan pada 5% sahaja dan bukan antara 40% hingga 175%, memandangkan kenaikan duti import

yang begitu tinggi itu akan mengurangkan suasana ria rakyat bukan Islam dalam hari raya mereka. Oleh kerana kebanyakan keluarga bukan Islam sering menggunakan arak untuk meraikan hari raya dan untuk upacara sembahyang, ia juga menjadi sebagai minuman perlu dalam segala majlis makan perkahwinan orang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, MCA, GERAKAN dan SUPP membuat bantahan sekeras-kerasnya dan menuduh Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan dasar Islam apabila Kerajaan Negeri Kelantan mengharamkan perjudian dan mengharamkan orang Islam meminum minuman keras di Kelantan. Sekarang saya ingin melihat apakah MCA, GERAKAN dan SUPP akan buat di dalam dan di luar Dewan ini tentang kenaikan duti import Kerajaan Pusat yang mereka adalah salah satu parti komponen di dalamnya yang mana melibatkan orang bukan Islam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 kini sudah jadi satu isu yang hangat sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membangkitkannya dan tidak dapat dielakkan Belanjawan ini kononnya merupakan satu Belanjawan yang menuju ke Wawasan 2020. DAP tidak ada sebab hendak menentang konsep Wawasan 2020 kerana Wawasan 2020 bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih adil dan munasabah bagi rakyat Malaysia. Sebenarnya, ini adalah sebahagian daripada manifesto DAP semenjak DAP ditubuhkan pada 25 tahun yang lalu. Dalam 20 tahun yang lampau kami sebagai Parti Pembangkang telah sedaya-upaya berjuang untuk mencapai matlamat ini. Pada hari selepas 25 tahun kami berjuang, akhirnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah bersependapat dengan sebahagian daripada matlamat perjuangan DAP. Kami berasa amat berbesar hati.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin mengingatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa walaupun menetapkan konsep adalah penting tetapi cara bagaimana melaksanakan konsep yang ditetapkan itu adalah perkara yang lebih penting lagi. Saya tidak tahu berapa lama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat memegang jawatan Perdana Menteri, 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun? Saya berharap Yang Amat Berhormat dapat hidup sehingga tahun 2020 supaya beliau dapat melihat dengan sendiri apakah hasrat beliau terlaksana, tetapi jangkamasa yang memang tidak dapat dipertikaikan ialah Perdana Menteri pada tahun 2020 bukan lagi Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kami khuatir ialah apabila sumpainya tahun 2020 apakah konsep Wawasan 2020 ini akan terpaksa ditangguhkan menjadi Wawasan 2050 oleh kerana ia tidak sempat tercapai. Pandangan saya ialah sekiranya dasar dan langkah-langkah pada masa sekarang tidak diubahsuaikan secepat mungkin dan satu sistem untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 tidak dirangka, maka besar kemungkinan Wawasan 2020 ini tidak dapat mencapai matlamatnya pada tempoh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah negara berbilang kaum. Dalam sebuah negara berbilang kaum, masalah yang paling besar ialah masalah perkauman. Dalam kata lain, masalah perkauman merupakan penghalang terbesar bagi negara berbilang kaum dalam pembinaan dan pembangunan negara. Malangnya parti pemerintah negara ini bukanlah sebuah parti berbilang kaum, tetapi merupakan kombinasi parti-parti perkauman oleh kerana setiap parti ini dikehendaki bertanggungjawab kepada kaumnya sendiri, maka ini akan memelihara kewujudan komunisme dalam keadaan sedemikian.

Negara kita bukan sahaja tidak dapat menjadi Ketua Empat Naga Kecil, malah tidak dapat menjadi Naga Kecil yang keempat. Saya pernah mencadangkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan harus mengaharamkan parti perkauman dan membubarkan semua parti perkauman yang ada sekarang sebagai teladan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak bersependapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam berbagai aspek, tetapi saya mesti bersetuju bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang yang berani melaksanakan sesuatu. Oleh yang demikian, saya sekali lagi menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempertimbangkan cadangan ini supaya beliau dapat memperkukuhkan asas kepada Wawasan 2020 dalam masa perjawatan beliau demi membina sebuah negara untuk rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa soal perkauman adalah satu perkara yang sensitif. Ia harus diselesaikan di tempat yang sesuai dan diuruskan dengan adil, tetapi apa yang dikesalkan ialah sikap pihak Kerajaan dalam menyelesaikan soal perkauman ini memberikan gambaran bahawa mereka yang melakukan penyelewengan di dalam soal perkauman dibiarkan begitu sahaja, sementara mereka yang meminta pertolongan pula dipersoalkan.

Saya pernah membangkitkan satu soalan dalam sesi Pertanyaan Jawab Mulut di Dewan yang mulia ini tentang ketidakadilan dalam satu masalah perkauman, tetapi soalan ini telahpun ditolak. Jika saya tidak membangkitkan soal ini di sini supaya perkara ini mendapat penjelasan dan perhatian, ia akan menyebabkan rakyat berpendapat bahawa Kerajaan membenarkan anasir-anasir perkauman melakukan apa yang mereka inginkan, sementara wakil

rakyat yang ingin menyelesaikannya pula tidak dibenarkan menuntut keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah berkaitan dengan Kilang Beras Jelapang Emas Sendirian Berhad di Alor Setar, Kedah. Pada 27hb Julai 1991, kilang ini atas alasan bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara menetapkan bahawa kilang beras mestilah 100% bumiputera, telah menamatkan perkhidmatan seorang penyelenggara setor bukan bumiputera yang bernama Yeoh Siong Hwa. Saya ingin bertanya, apakah nasihat yang diberikan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kepada Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pertanian terhadap perkara ini? Saya juga ingin mengetahui, apakah pendirian Menteri Pertanian dalam perkara ini dan adakah Menteri Pertanian mengetahui bahawa kilang beras bukan 100% bumiputera tidak dibenarkan membeli padi selepas pukul 4.00 petang?

Jika ini benar, maka bukankah ini merupakan dasar diskriminasi perkauman? Apakah Menteri Pertanian bersedia menghapuskan dasar ini? Jika tidak, mengapa pula? Saya berharap soalan-soalan ini dapat memperolehi jawapan semasa Menteri-menteri berkenaan menggulung perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengendalikn masalah perkauman, Kerajaan harus menjadikan dirinya satu teladan dengan mengambil pendirian yang tegas dan adil. Sekian lama Kerajaan telah memberikan gambaran bahawa ia bukan sahaja tidak mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang mengungkit-ungkitkan soal perkauman, malah cuba sedaya upaya untuk melindungi mereka. Rakyat tidak pernah mendengar, apatah lagi melihat Kerajaan mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai-pegawai dan

kakitangan Kerajaan ini. Saya ingin memperolehi penjelasan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Pengarah Pendidikan yang baru telah mengungkitkan satu isu perkauman. Sebagai seorang pegawai Kerajaan, beliau telah menafikan keputusan Kabinet ke atas masalah kenaikan terus ke Tingkatan Satu pelajar-pelajar SRJK yang telah memperolehi 4A, 2C di dalam peperiksaan penilaian UPSR. Nyata sekali pegawai ini telah mengungkitkan isu perkauman dengan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan dasar Kerajaan. Saya meminta Kerajaan mengambil tindakan disiplin terhadap beliau dan menjadikan satu teladan baik yang pertama kali di mana Kerajaan mengambil tindakan yang tegas ke atas pegawai-pegawai Kerajaan yang mengakibatkan soal perkauman dengan adil.

Kerajaan juga harus menjadikan teladan sikap adil yang baik. Dalam aspek ini, saya ingin membangkitkan soal peruntukan Projek-projek Kecil Kawasan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini setiap kawasan Pilihanraya Parlimen diperuntukkan peruntukan tahunan sebanyak \$500,000 setahun dan peruntukan ini diuruskan dengan dua cara. Di kawasan Wakil Rakyat Barisan Nasional, Ahli Parlimen BN sendiri boleh menetapkan kegunaan peruntukan tersebut dan kemudiannya membentangkan projek-projek kepada Pegawai Pembangunan Negeri atau Pegawai Daerah, selagi projek-projek tersebut tidak melebihi peruntukan yang ditetapkan, ia akan diluluskan 100%.

Bagi kawasan parti Pembangkang pula, walaupun Ahli Parlimen diberitahu boleh mengemukakan projek dan membuat permohonan tetapi hampir 100% daripadanya tidak dapat

memperolehi kelulusan. Alasannya senang sahaja, Kerajaan berpendapat bahawa projek-projek yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Pembangkang tidak harus diutamakan. Peruntukan tersebut pula dibahagikan oleh pemimpin-pemimpin UMNO Baru, MCA, Gerakan dan MIC tempatan melalui Pegawai Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang diberikan oleh Kerajaan semasa menolak permohonan peruntukan Wakil Rakyat Pembangkang sebenarnya kata-kata bohong sahaja. Memang diketahui umum, tujuan Kerajaan ialah cuba menyusahkan rakyat di kawasan Parlimen Pembangkang dari segi kemudahan dan infrastruktur dan cuba memaksa rakyat di kawasan Parlimen Pembangkang tunduk kepada parti pemerintah dan mengundi calon parti pemerintah dalam Pilihanraya Umum kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh lagi yang menunjukkan ketidakadilan ialah Wakil Rakyat Pembangkang tidak diundang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Ini menyebabkan mereka tidak dapat membawa masalah kawasan mereka kepada Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam Mesyuarat tersebut. Wakil Rakyat Pembangkang juga tidak diberitahu tentang projek-projek pembangunan di kawasan mereka. Selain daripada itu, boleh dikatakan hampir semua Pegawai Kerajaan terpaksa sengaja menyusahkan atau tidak memperdulikan perkara-perkara yang dibawa oleh Wakil Rakyat Pembangkang dan jarang memberi pertolongan khas kepada mereka selain daripada tindakan mereka yang sengaja menyusahkan kami. Saya tidak mempersalahkan pegawai-pegawai yang lain kerana mereka bimbang akan masa hadapan mereka, jika mereka melakukan sesuatu yang memarahkan parti pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bersedia membetulkan langkah-langkah yang tidak adil seperti yang tersebut di atas demi untuk mencapai matlamat Wilayah 2020? Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa saya membangkitkan penyelewengan-penyelewengan tersebut di atas adalah bertujuan untuk bersama-sama dengan parti pemerintah, berusaha untuk masa hadapan negara dan bukan kerana saya takut akan tekanan parti pemerintah. Ini adalah kerana rekod Pilihanraya Umum telah nyata menunjukkan bahawa walaupun tanpa peruntukan, kawasan pilihanraya calon Pembangkang tetap boleh menang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini DAP telah sekali lagi memperolehi simpati dan sokongan rakyat kerana ketidakadilan Kerajaan. Pada 19hb lalu, DAP Cawangan Muar telah menganjurkan satu jamuan dan sebelum itu telahpun memperolehi kelulusan Lembaga Pengelola Sekolah Chung Hwa (1) dan pihak Polis untuk mengadakan jamuan, di kawasan sekolah tersebut tetapi pada hari tersebut DAP diberitahu bahawa Jabatan Pendidikan tidak membenarkan parti politik mengadakan jamuan di kawasan sekolah dan terpaksa mencari tempat lain. Tetapi apa yang memeranjatkan ialah selepas 12 hari iaitu pada 31hb Oktober, MCA telah dibenarkan mengadakan jamuan di sebuah Sekolah Rendah Cina di Tangkak dan kemudian pada 1hb November, MCA dibenarkan sekali lagi untuk mengadakan jamuan di sebuah Sekolah Rendah Cina di Seremban.

Setiap orang yang membincangkan perkara ini termasuk ahli-ahli MCA berpendapat bahawa tindakan Kerajaan adalah keterlaluan dan tidak adil sama sekali. Adakah Menteri Pendidikan bersedia memberikan penjelasannya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Kangar.**

6.07 p.m.

**Tuan Haji Ishak bin Arshad (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan Belanjawan 1992 yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri kewangan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan yang dianggap melegakan dan memenuhi hasrat rakyat terutama sekali golongan rakyat bawahan.

Saya yakin Belanjawan tersebut telah memenuhi expectation luar jangkaan sebahagian pihak. Oleh kerana Barisan Nasional adalah parti yang memperjuangkan semua lapisan rakyat sepertimana yang telah terbukti selama ini, maka tentulah Belanjawan yang telah dibentangkan itu dapat memelihara golongan rakyat sama ada petani miskin di luar bandar atau golongan profesional, korporat di bandar-bandar.

Dalam semua pembentangan Belanjawan yang telah dibuat oleh Kerajaan, bagi pihak Pembangkang tentulah akan melihat dari sudut-sudut di mana kelemahan-kelemahan boleh ditonjolkan sehingga akhirnya apa yang ada ialah keburukannya sahaja. Matlamat Belanjawan sebenarnya ialah untuk mempersembahkan sesuatu yang terbaik untuk rakyat kerana Kerajaan ini ialah Kerajaan yang terbaik yang telah dipilih oleh rakyat. Saya yakin Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang bertanggungjawab kerana majoriti rakyat berdiri teguh bersama-sama dengan Kerajaan terutama dalam menempuh cabaran dan masa hadapan yang gemilang ke arah Wawasan 2020 yang menjanjikan kehidupan rakyat yang aman damai dan mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah atas kesungguhan pihak Kerajaan bagi menghadapi masalah pengangguran yang pernah menjadi satu isu yang hangat terutama pada tahun 1980an yang lalu terutama sekali pengangguran yang berlaku di kalangan siswazah. Kejayaan kita mengurangkan kadar pengangguran daripada 6% pada 1990 kepada 5.6% bagi tahun 1991 adalah sesuatu yang sangat menggalakkan. Walau bagaimanapun, jika kita tidak mengambil kira golongan yang aktif mencari kerja, kita sudahpun hampir sampai ke peringkat gunatenaga penuh.

Saya yakin apabila Kerajaan membuat kawalan ketat ke atas pekerja-pekerja asing dan pegawai dagang termasuk pengenaan levi, peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan akan bertambah baik terutama sekali di kalangan golongan siswazah di mana dalam dua tahun pertama ini sahaja, jumlah siswazah menganggur yang berdaftar telah berkurangan lebih daripada 50%. Saya mencadangkan supaya Kerajaan menyemak semula kedudukan pekerja-pekerja asing dan pegawai dagang yang ada sekarang di negara ini sama ada kedudukan mereka telah memenuhi matlamat dasar pengambilan pegawai dagang berkhidmat di negara ini.

Saya dapati ada pegawai dagangan yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun dengan agensi Kerajaan sedangkan sudah ada pegawai tempatan yang terbukti mampu mengambil alih tempat tersebut. Saya juga telah mendapat maklumat ada di antara mereka yang telah berkhidmat di negara kita sengaja tidak cuba memahami hasrat dan cita-cita Kerajaan bahkan secara halus cuba menekankan pekerja-pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pengumuman Kerajaan dari segi untuk membantu rakyat bagi

mendapatkan rumah dengan cara yang lebih mudah. Kemudahan untuk mengeluarkan KWSP kepada pembeli-pembeli tentulah akan membantu meringankan beban yang telah sedia ada apabila mereka membeli rumah. Pengecualian dan kelonggaran duti setem ke atas pindah milik membantu rakyat berpendapatan rendah. Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai setakat ini telah membantu memulihkan 19,322 unit rumah. Oleh kerana jumlah projek perumahan terbengkalai yang telah dikenalpasti ialah sebanyak 338 projek pada pertengahan tahun 1990, yang melibatkan 44,252 orang pembeli, Kerajaan seharusnya melalui Kementerian yang terlibat patutlah mengesan dan mengenalpasti projek-projek yang terbengkalai tersebut dan membantu kerana masih ada pembeli yang terlibat yang terpaksa membayar ansuran pinjaman sedangkan harapan untuk menduduki rumah mereka sudah tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyanjung hasrat Kerajaan untuk menjaga kesihatan rakyat dengan mengambil berbagai-bagai langkah yang difikirkan boleh dilaksanakan. Contohnya, dalam Belanjawan ini, Kerajaan telah menaikkan duti import rokok dan cerut di antara 54% ke 56% dan di antara 55% ke 65% sekilogram, termasuk kenaikan duti excise. Walau bagaimanapun, satu pendekatan lain haruslah dibuat bagi menghadapi keadaan tersebut. Ini ialah oleh kerana penglibatan rakyat terhadap industri rokok amat besar. Contohnya, seramai lebih daripada 140,000 orang yang terlibat dengan kerja-kerja penanaman dan pengawalan tembakau di seluruh negara dengan pengeluaran sebanyak \$180 juta setahun sementara jualan rokok di Malaysia ialah sebanyak \$1,500 juta setahun. Satu alternatif lain dari segi penanaman-penanaman lain kepada petani-petani yang sedang

menanam tembakau haruslah dibuat bagi membolehkan usaha-usaha kita berjaya, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan mendapat satu peruntukan yang cukup terbesar daripada jumlah Belanjawan yang telah dibentangkan ini. Peruntukan yang terbesar ini, pada pendapat saya, ada selaras dengan reformasi pendidikan yang meletakkan pendidikan pra-sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kedudukan meletakkan pendidikan pra-sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan adalah sesuatu yang sangat wajar. Ini ialah kerana sistem pendidikan pra-sekolah yang telah dikendalikan oleh berbagai pihak di negara kita sekarang mungkin tidak selaras dengan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam dasar pendidikan kebangsaan. Ada setengah pihak yang telah menjadikan sistem pendidikan pra-sekolah sebagai tempat menanam bibit-bibit yang boleh menjejaskan pembentukan dan keyakinan diri ke arah pencapaian kehidupan masa depan selaras dengan hidup bermasyarakat di negara ini.

Saya juga amat mengalu-alukan penekanan pendidikan yang telah diberi ke arah vokasional dan teknik. Ini adalah satu manifestasi kepada cita-cita negara ke arah melahirkan warganegara yang bukan hanya mementingkan akademik sahaja tetapi berketrampilan ke arah cabaran teknologi masa depan negara, sebagaimana yang terkandung dalam Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan supaya kurikulum yang terdapat di vokasional dan teknik hendaklah sentiasa dipersesuaian dengan perkembangan teknologi semasa selaras dengan kepesatan perindustrian negara ini. Peruntukan yang besar ini juga tentulah mengambilkira masalah "brain drain" yang telah berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan dalam Belanjawan 1992 ini akan mendapat tambahan pembinaan sebanyak 36 buah hospital. Semoga dengan penambahan hospital tersebut akan memberikan manfaat kepada rakyat, terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Sebagaimana yang sedia maklum, kita masih menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar di kebanyakan hospital, lebih-lebih lagi di hospital-hospital di luar bandar.

Adalah amat sulit kepada pesakit-pesakit di luar bandar yang jauh apabila terpaksa mendapat rawatan kepakaran lanjut di Kuala Lumpur, khususnya di Hospital Besar dan di Universiti Hospital kerana kemudahan-kemudahan kepakaran ini tidak diperolehi di tempat-tempat mereka. Saya ingin bertanya pihak Kerajaan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan mana-mana hospital sebagai mewakili mana-mana wilayah atau daerah setanding dengan apa yang ada di Kuala Lumpur untuk kemudahan rawatan lanjut?

Tuan Yang di-Pertua, penghormatan kepada sebuah negara bukan hanya sekadar kepada kemajuan negara itu sahaja tetapi juga kepada ketahanan dan keselamatannya. Ada yang berpendapat atau yang meragui perbelanjaan yang besar untuk pertahanan kerana bagi mereka ini adalah suatu yang tidak munasabah. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya, objektif yang terkandung dalam Belanjawan Negara 1992, dalam soal-soal pertahanan negara ialah usaha-usaha kita untuk memperkembangkan dan mempermodenkan Angkatan Tentera kita. Dalam konsep semangat kesetiakawanan rantau ini, apakah kita tidak perlu menyediakan ketahanan diri yang boleh meyakinkan kita sendiri bagi menghadapi apa-apa jua kemungkinan yang berlaku? Kesilapan-kesilapan yang pernah berlaku seperti ini, seperti

pencerobohan-pencerobohan sempadan yang tidak disengajakan oleh jiran-jiran kita di utara dan selatan serta tuntutan-tuntutan pulau atau wilayah yang tidak berasas sama sekali oleh sebahagian daripada mereka tentulah menyebabkan kita terpaksa berjaga-jaga.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan di negara ini bahkan menjadi bahasa yang penting di rantau ini. Kedudukan Bahasa Melayu di Malaysia bukan sekadar *lingua franca* sahaja tetapi sudah dianggap sebagai bahasa ilmu yang telah mendapat tempat dan kepercayaan rakyat. Galakan-galakan kepada penulis-penulis melalui kadar perlepasan royalti yang lebih baik termasuk hasil-hasil penterjemahan akan membantu memperluaskan bahan-bahan bacaan yang agak berkurangan dalam bidang-bidang tertentu.

Penubuhan Biro Penterjemahan adalah kena pada masanya dan usaha-usaha hendaklah dibuat supaya pihak swasta terlibat dalam bidang tersebut. Jikalau pihak swasta boleh membiayai aktiviti-aktiviti sukan yang menelan perbelanjaan yang besar pada setiap tahun, apakah tidak mungkin mereka melakukan perkara yang sama dalam bidang penterjemahan, misalnya? Kalau satu syarikat sanggup membiayai sebuah buku sahaja setahun, tentulah dalam sesingkat masa mungkin beratus-ratus buah buku terjemahan akan dapat dihasilkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan penubuhan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad dan Tabung Industri Bumiputera. Kewujudan ini kena pada masanya terutama apabila hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk benar-benar melihat kewujudan golongan usahawan bumiputera. Dalam Dasar Ekonomi Baru tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan berjaya meletakkan asas yang kukuh terhadap penglibatan bumiputera

dalam perdagangan dan perindustrian. Walau bagaimanapun, kejayaan yang lebih tepat ialah apabila kita lihat dari segi jumlah pegangan ekuiti bumiputera melalui penguasaan oleh badan berkanun, agensi Kerajaan dan syarikat milik Kerajaan.

Sesungguhnya Kerajaan mengalami berbagai-bagai masalah dalam pelaksanaan DEB khususnya dalam mewujudkan usahawan-usahawan bumiputera yang mempunyai daya-saing dan boleh beruhan dalam masa kemelesetan ekonomi. Sudahlah sampai masanya bagi kita menentukan bahawa pencapaian pegangan ekuiti untuk bumiputera dipegang oleh usahawan-usahawan bumiputera bukan lagi oleh syarikat-syarikat, badan-badan berkanun dan agensi Kerajaan yang lain. Keadaan ini timbul oleh kerana agensi atau badan Kerajaan yang terlibat yang melaburkan diri dalam pelaburan dan perniagaan tidak memastikan dasar yang khusus untuk menentukan bahawa individu-individu bumiputera diberikan peluang untuk melaburkan diri secara terus dalam pengurusan dan perniagaan berkenaan. Dengan demikian adalah diharapkan penubuhan PUNB dan TIB akan menentukan dasar dan matlamat ke arah melahirkan individu bumiputera yang benar-benar berjaya dalam perdagangan dan perindustrian akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat petani dan nelayan adalah kumpulan penting kepada negara yang telah memberikan sumbangan ke arah penyediaan sumber makanan. Seajar dengan itu, saya percaya untuk melihat kejayaan petani dan nelayan bukan sahaja hanya sekadar diberikan bahan dan peralatan tetapi juga membantu dan memperlongkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang membolehkan mereka menjadi petani dan nelayan yang lebih produktif sebagaimana yang diharapkan melalui peruntukan dalam Belanjawan ini.

Adalah berbeza dengan sikap petani dahulu penemuan dari hasil penyelidikan melalui pusat penyelidikan yang telah ditubuhkan akan membantu petani dan nelayan mengkomersialkan hasil penemuan tersebut. Saya yakin Kementerian Pertanian yang selama ini telah terbukti memberikan sumbangan yang amat bernilai kepada pembangunan masyarakat petani dan nelayan akan terus berbuat demikian melalui peruntukan-peruntukan yang telah diperolehi daripada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan hasrat memupuk masyarakat ikrami sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pengecualian sepertimana yang dicadangkan dalam Belanjawan 1992 ini amat dialu-alukan. Walau bagaimanapun, sikap ini harus dipupuk di kalangan rakyat bukan sahaja melalui pengecualian tersebut tetapi juga tindakan haruslah dibuat melalui berbagai-bagai cara supaya sifat yang sedia ada di kalangan masyarakat Malaysia kita di negara ini dapat dipupuk dan disuburkan agar masyarakat Malaysia bukan hanya terkenal sebagai masyarakat multi-racial tetapi juga masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pemerhatian berat Kerajaan terhadap kepentingan alam sekitar di negara ini. Dengan adanya penekanan yang diberi dalam Belanjawan tersebut tentulah tidak dapat tidak akan mengelakkan sebarang cemuhan yang telah dibuat terutama sekali oleh pihak-pihak Pembangkang yang melemparkan berbagai-bagai fitnah terhadap Kerajaan. Pemeliharaan alam sekitar ini tidak dapat dielakkan kerana bukan sahaja atas faktor-faktor ekologi tetapi juga ianya adalah suatu warisan yang amat bernilai untuk kehidupan generasi yang akan datang. Pemerhatian yang berat ini juga akan menolak tohmahan aktivis alam sekitar

sama ada dalam negara kita lebih-lebih lagi di luar negara yang secara lantang melepaskan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya dengan ini menyokong penuh Belanjawan 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong.

6.25 p.m.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah kerana dengan keizinanNya Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan telah berjaya membuktikan kemampuan beliau serta kewiba-vaannya sebagai seorang Menteri Kewangan yang bermartabat menerusi pembentangan Belanjawan sulungnya pada 1 November yang lalu. Sekaligus saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada beliau kerana menerusi Belanjawan ini segala prasangka dan sceptism, dengan izin, beberapa pihak khususnya pihak Pembangkang yang mengatakan bahawa Menteri Kewangan kita hari ini tidak mungkin mampu menguruskan kewangan negara, jelas terbukti amat meleset lagi tidak berasas.

Apa yang lebih menarik dalam Belanjawan tahun depan ialah Menteri Kewangan kita bukan sahaja peka kepada tuntutan futuristic Wawasan 2020 malahan pada waktu yang sama beliau berjaya menggembelinkan strategi menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta mengawal inflasi tanpa menimbulkan kesulitan kepada rakyat jelata seluruhnya.

Seperti yang ditegaskan dalam mukaddimah ucapannya Jumaat lalu,

Belanjawan 1992 dirangka bagi menghadapi cabaran-cabaran strategi dan menterjemahkan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020. Ini bermakna bahawa Belanjawan 1992 ini adalah satu-satunya yang pragmatik, yang mencakupi satu gagasan yang besar di samping memenuhi cabaran-cabaran ekonomi dan kewangan semasa.

Namun begitu, walaupun nampaknya tiada cacat dan celanya kepada Belanjawan kali ini, pihak Pembangkang khususnya DAP, tetap membangkang, tetap akan mencari-cari kelemahannya. Ini terbukti melalui ucapan Ketua Pembangkang merangkap Setiausaha Agung DAP Isnin lalu. Menerusi ucapan tersebut beliau seolah-olah sudah kemuflihan idea, bankrupt, dengan izin, kehilangan taring dan kelemasan dilambung badai, kekucar-kaciran. (*Tepuk*) Ahli dari Tanjong itu nampaknya tidak sehebat lakonannya dalam drama anti-MCA di Dewan yang mulia ini beberapa hari sebelumnya. Kalau waktu berdrama beliau kelihatan seperti seekor gergasi dengan lidah yang penuh berapi-api.....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Beri jalan atau tidak?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang kawan meminta penjelasan dengan sopan-santun. Adakah Yang Berhormat Parit Sulong sedar bahawa di dalam Dewan yang mulia ini peranan yang dimainkan oleh pihak Pembangkang salah satu yang utamanya ialah mencungkil kelemahan-kelemahan dan kemudian membentangkan alternatif yang membina lagi bernas dan ketika ini adakah ia sedar bahawa Yang Berhormat Tanjong telah membentangkan satu alternatif mengenai Wawasan

2020. Takkan bila kita membentangkan alternatif ini kita sentiasa jerit-jeritan, itu tidak payah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apakah penjelasan itu?

**Dr Tan Seng Giaw:** Adakah ia sedar bila kita beri alternatif, tidak payah kita jerit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jangan panjang sangat jawab. Masa sudah cukup.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab pada hari Isnin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Susah itu, sekarang jawablah. *(Ketawa)*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau saya jawab sekarang, saya sedar bahawa DAP ini selalunya menyediakan alternatif-alternatif yang pular-belit. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin hadapan, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*